JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Laporan Tahunan 2010

TRANSFORMASI PENGURUSAN PERBURUHAN NEGARA



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LAPORAN TAHUNAN

2010



TRANSFORMASI PENGURUSAN PERBURUHAN NEGARA

Rasional Muka Depan



Kitaran hidup rama-rama yang bermula dengan telur, berkembang menjadi beluncas (larva), seterusnya mengalami proses tumbesaran dan bertukar menjadi kepompong (pupa). Pada peringkat ini berlaku transformasi dalaman yang mana tisu-tisu beluncas akan mengalami penggantian dan seterusnya membentuk serangga dewasa dan akhirnya keluar dari kepompong tadi untuk menjadi rama-rama yang berwarna-warni, bergerak bebas mewarnai alam ini. Itulah konsep yang dipaparkan pada muka hadapan Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia 2010.

Konsep kitaran hidup rama-rama ini dirasakan cukup kuat dan sesuai dengan tema laporan tahunan kali ini iaitu 'TRANSFORMASI PENGURUSAN PERBURUHAN NEGARA'. Secara tidak langsung tema yang dipilih itu menggambarkan perkembangan Jabatan Tenaga Kerja yang merupakan jabatan tertua di antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Pada peringkat awal Jabatan ini dikenali sebagai "Labour Committee" yang dibentuk oleh Jervois pada tahun 1876 bertujuan menjaga dan mengawal selia kedudukan buruh-buruh Cina di Negeri-Negeri Selat. Seterusnya pada 1877 diperkenalkan 'Crimping Ordinance" diikuti "Straits Settlement Ordinance IV" pada 1880. Tidak terhenti setakat itu sahaja, pada 1882 " Labour Contract Ordinance" diperkenalkan dan seterusnya Kanun Buruh pada tahun 1912 .

Sebelum 1960-an, objektif Jabatan ini ialah 'menjaga kepentingan pekerja di sektor perladangan dan lombong'. Pada tahun 1970, Jabatan ini digabungkan dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan yang memfokuskan kepada penyelesaian pertikaian yang melibatkan pekerja dan kesatuan. Tidak terhenti setakat itu sahaja, proses transformasi Jabatan terus berlaku dari semasa ke semasa sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Peredaran masa dan perubahan suasana serta budaya pekerjaan ternyata menuntut satu permulaan baru dan anjakan paradigma yang lebih segar untuk disesuaikan dengan kehendak zaman. Malah proses ini akan berterusan sehingga suatu masa nanti.



Kandungan

		Muka surat
1.	Perutusan Ketua Pengarah	2
2.	Nota Editor	4
3.	Visi, Misi, Objektif Jabatan	5
4.	Latar Belakang Jabatan	6
5.	Dasar Kualiti	7
6.	Piagam Pelanggan	8
7.	Carta Organisasi	9
8.	Kepimpinan	10
9.	Tajuk-tajuk Utama	
	i) 1 Malaysia 1 Gerbang Kerjaya : Mempertingkat Peluang Pekerjaan Kepada Rakyat	13
	ii) Pentadbiran Perburuhan Negara	21
	iii) Mengoptimumkan Guna Tenaga Negara	45
	iv) Hubungan Antarabangsa	51
	v) Pengurusan Sumber Manusia dan Organisasi	55
10.	Lokasi pejabat JTK dan JMC	59
11.	Lokasi Pejabat Atase Buruh di luar Negara	73
12.	JTKSM@media	77
13.	Santai@JTKSM : Aktiviti Kelab Kasih dan PUSPANITA JTKSM	81
15.	Sidang editor	95





Perutusan Ketua Pengarah



Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarokatuh,
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1KSM

Saya sangat bersyukur kerana Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dapat menerbitkan Laporan Tahunan yang memaparkan pelaksanaan dan pencapaian pelbagai aktiviti berkaitan pentadbiran perburuhan negara sepanjang tahun 2010. Syabas diucapkan kepada Sidang Editor yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi sehingga berjaya menerbitkan laporan ini. Semoga maklumat yang dimuatkan dalam laporan ini akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak.

Tahun 2010 dianggap sebagai tahun yang mencabar bagi JTKSM kerana terdapat tanggungjawab utama yang perlu disempurnakan iaitu memastikan aktiviti di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 - 2010) dapat dilaksanakan dengan berkesan menjelang akhir tempoh pelaksanaannya. Tahun 2010 dipenuhi dengan langkah-langkah ke arah menyusun perancangan bagi melaksanakan program di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang dijadualkan bermula pada tahun 2011. Di bawah program RMKe-10, Projek Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) diwujudkan untuk golongan OKU bagi menambah penglibatan lebih ramai untapped workforce dalam bidang pekerjaan, usahaniaga dan bekerja sendiri. Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula, JTKSM bertanggungjawab bagi mewujudkan peluang pekerjaan baru dengan gaji yang lebih tinggi. Sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan baru akan diwujudkan menjelang tahun 2020

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi pentadbiran perburuhan negara JTKSM telah memberi penekanan kepada sistem penyampaian perkhidmatan sejajar dengan objektif untuk melindungi kepentingan dan memajukan masyarakat industri yang terdiri daripada golongan pekerja, majikan dan para pelabur. Usaha ini direalisasikan menerusi pencapaian Jabatan dalam aktiviti utama seperti pemeriksaan tempat pekerjaan di mana sebanyak 54,742 tempat pekerjaan telah diperiksa. Di samping itu, aspek penguatkuasaan undang-undang buruh pula telah menghasilkan 728 tindakan kompaun dan 357 tindakan pendakwaan ke atas majikan yang gagal mematuhi undang-undang. Penyelesaian kes-kes tuntutan melalui

Mahkamah Buruh juga telah menampakkan peningkatan di mana 89% daripada kes yang dikendalikan telah dapat diselesaikan dalam tahun 2010 berbanding 86.6% pada tahun sebelumnya, manakala amaun yang diperintah melebihi RM25 juta.

Jabatan juga telah menyumbang kepada penambahbaikan peruntukan undang-undang menerusi pewartaan Peraturan Kerja (Pekerja-pekerja Separa Masa) 2010 dan pindaan ke atas Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966. Usaha ini diharap dapat menggalakkan para majikan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam bentuk kerja separa masa, selain memastikan undang-undang berkaitan penggajian kanak-kanak dan orang muda dipatuhi selari dengan standard perburuhan antarabangsa. Akta Anti – Pemerdagangan Orang 2007 (ATIP) telah digubal untuk membasmi pemerdagangan orang melalui penguatkuasaan terhadap pihak-pihak yang terlibat serta perlindungan terhadap mangsa. Pada Julai 2010, ATIP telah dipinda dan dikuatkuasakan dengan nama Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007. Pindaan ini telah memberi tanggung jawab baru kepada Pegawai Tenaga Kerja setelah diwartakan sebagai Pegawai Penguatkuasa di bawah Akta ini, bererti Pegawai Tenaga Kerja boleh mendakwa majikan yang melanggar Akta ini dan ia juga satu lagi tambahan akta kepada JTKSM secara keseluruhannya.

JTKSM juga telah berjaya mencapai Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri Sumber Manusia dalam meningkatkan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Sebanyak 110,239 penempatan pekerjaan telah berjaya dilakukan pada tahun 2010, dengan lebihan sasaran sebanyak 10,239 berbanding sasaran yang telah ditetapkan sebanyak 100,000.

Pelancaran Pusat JobsMalaysia (JMC) pada tahun 2010 telah memberi impak besar kepada Jabatan dalam usaha membantu para pencari kerja mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan, kemahiran, pengalaman, bakat, minat dan personaliti mereka. Terdapat 10 buah JMC di seluruh Semenanjung Malaysia. Penubuhan JMC juga telah mencetuskan beberapa inisiatif baru khususnya dalam membawa tenaga kerja yang berada di luar pasaran buruh untuk turut serta dalam sektor pekerjaan. Penubuhan ini merupakan tambahan kepada inisiatif membawa pekerjaan kepada golongan sasar melalui Program Penempatan Pekerjaan yang dilaksana di kawasan yang terdapat ramai pencari kerja. Golongan yang diistilahkan sebagai "untapped workforce" ini meliputi golongan wanita, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), pesara, bekas banduan dan golongan gelandangan. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi menarik minat dan memberi kemudahan kepada mereka untuk mendapat pekerjaan yang sesuai.

Jabatan amat berbangga kerana telah dipertanggungjawab menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) iaitu meningkatkan taraf hidup 40% golongan berpendapatan rendah. Bagi menjayakan program ini, melalui projek 1 Azam : Azam Kerja dilaksanakan untuk menawarkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan. JTKSM telah menjadi pelaksana bagi program mendapatkan peluang pekerjaan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) menerusi sisitem e-kasih program AZAM Kerja 1Malaysia. Pihak Jabatan telah bekerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk merealisasi hasrat kerajaan membasmi kemiskinan dengan melawat setiap peserta Azam Kerja dengan menawarkan peluang pekerjaan melalui Program penempatan pekerjaan (3P). Dalam tahun 2010 ini, kerjasama dengan semua agensi kerajaan lain terus dipertingkatkan bagi merealisasikan hasrat kerajaan, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan No Wrong Door Policy.

Pada pandangan saya tahun 2010 telah menjadi bukti bahawa warga JTKSM berpotensi dalam menjayakan program pembangunan sosioekonomi kerajaan dalam bentuk kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Saya berharap usaha gigih ini akan berterusan seiring dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan program transformasi demi kesejahteraan rakyat. Semoga JTKSM akan terus maju dan berkembang dengan didokong oleh pegawai dan kakitangan yang ikhlas, kreatif, inovatif dan penuh integriti.

Sekian.



Dato' Sh.Yahya bin Sh.Mohamed
Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia



Nota Editor

Laporan Tahunan 2010 Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) diterbitkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Ibu Pejabat JTKSM. Sidang Editor pula terdiri daripada wakil dari semua bahagian yang bertanggungjawab dalam mengumpul, menyusun dan menyunting bahan-bahan dan seterusnya diterbitkan dalam bentuk laporan meliputi pelbagai aktiviti Jabatan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2010. Laporan ini mengetengahkan tema "Transformasi Pengurusan Perburuhan Negara" sebagai kesinambungan kepada isu-isu yang dilaporkan pada tahun 2009. Segmen-segmen masih dikekalkan iaitu meliputi segmen maklumat korporat, 1 Malaysia 1 Gerbang Kerjaya, pentadbiran perburuhan negara, mengoptimumkan guna tenaga negara, perhubungan antarabangsa, pengurusan sumber manusia dan organisasi serta bahan-bahan sampingan.

JTKSM memikul tanggungjawab yang besar iaitu untuk memastikan pentadbiran undang-undang dan standard perburuhan di negara ini dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Perkara ini penting bagi menjayakan usaha kerajaan untuk melakukan transformasi ke arah menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi. Sesungguhnya JTKSM sebagai Jabatan yang premier di bawah Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan yang signifikan dalam menjana pengurusan sumber manusia yang cemerlang dalam kalangan majikan di sektor swasta.

Laporan-laporan yang dimuatkan dalam penerbitan ini menggambarkan sumbangan JTKSM bagi memastikan persekitaran perburuhan berada dalam suasana yang produktif dan kondusif. Tahap pematuhan undang-undang oleh para majikan sentiasa dipertingkatkan bagi meyakinkan golongan pekerja bahawa kepentingan mereka sentiasa terpelihara. Di samping itu, majikan pula diberi sokongan dalam bentuk khidmat nasihat perburuhan dan kemudahan perkhidmatan pekerjaan khasnya menerusi portal JobsMalaysia serta aktiviti yang berkaitan. JTKSM juga serius dalam menerajui inisiatif membantu mengaktifkan *"the untapped labour force"* supaya guna tenaga negara dapat dioptimumkan. Bagi melengkapkan peranannya JTKSM turut mengambil bahagian dalam aktiviti perburuhan peringkat serantau dan antarabangsa. Diharapkan Laporan Tahunan 2010 ini dapat memberi manafaat kepada pelbagai pihak.

Visi

JTKSM bertekad menjadi :
Penggerak Utama Dalam Menjana Pengurusan Sumber Manusia Yang Cemerlang di Sektor Swasta

Misi

Hasrat Utama JTKSM adalah :
Membangunkan masyarakat industri yang produktif, bermaklumat, berdisiplin, penyayang dan responsif kepada perubahan-perubahan persekitaran dalam suasana perburuhan.





Objektif

- Melindungi kepentingan dan memajukan kepentingan masyarakat industri;
- Mengutama dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara;
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi;
- Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.



Latar Belakang Jabatan

Jabatan Tenaga Kerja telah ditubuhkan pada tahun 1912 dan merupakan salah sebuah daripada 12 buah Jabatan dan agensi yang terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Sumber Manusia. Sebelum tahun 1960an, objektif Jabatan ialah 'menjaga kepentingan pekerja di sektor perladangan dan lombong'. Pada tahun 1970, Jabatan Jabatan Buruh digabungkan dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan. Gabungan ini memfokuskan kepada penyelesaian pertikaian yang melibatkan pekerja dan kesatuan.

Penstrukturan institusi perburuhan terus dibuat bagi merealisasikan fungsi dan tanggungjawab dengan lebih efektif. Antara perubahan yang dibuat ialah dengan memisahkan Jabatan Buruh dari Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) dan seterusnya menggariskan tanggungjawab serta fungsi. Jabatan Buruh dipertanggungjawabkan memelihara kebajikan, kepentingan para pekerja dalam mewujudkan keharmonian antara majikan dan pekerja.

Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat telah digabungkan dengan Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia (JBSM) berkuatkuasaan pada Februari 2003. Aktiviti penggabungan ini telah membawa perubahan besar kepada JBSM melibatkan pertambahan fungsi seperti pengumpulan maklumat perburuhan dan penempatan pencari-pencari pekerjaan di sektor swasta. Penggabungan yang dijalankan membawa pertukaran nama Jabatan Buruh kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK).



Dasar Kualiti

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.



JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Piagam Pelanggan

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah bertanggungjawab ke atas kebajikan pekerja dan kepentingan majikan serta perlaksanaan dasar-dasar perburuhan negara melalui pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang buruh dan langkah-langkah promosi yang berkesan bagi mewujudkan tenaga kerja yang komited dan produktif. Dengan ini kami berjanji akan memberi perkhidmatan yang cekap dan cepat, jujur dan amanah serta ikhlas dan mesra untuk memenuhi kehendak pelanggan seperti berikut:

1. Memproses dan meluluskan permohonan permit perburuhan:
   Di bawah Akta Kerja 1955 dalam tempoh satu bulan
   Di bawah Akta Kerja Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan pekerja 1990 dalam tempoh 2 bulan.

2. Menyiasat dan menyelesaikan setiap pengaduan awam dalam tempoh 2 bulan

3. Membicara dan memutuskan setiap kes tuntutan dalam tempoh 3 bulan kecuali kes yang melibatkan kompleksiti undang-undang atau teknikal.

4. Mengeluarkan taksiran pampasan pekerja:
   Bagi kes hilang upaya sementara, dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan laporan perubatan.
   Bagi kes hilang upaya kekal, mengeluarkan taksiran pampasan muktamad dalam tempoh 1 bulan dari tarikh penerimaan laporan perubatan terakhir.
   Bagi kes kemalangan maut, mengeluarkan taksiran muktamad dalam tempoh 1 bulan dari tarikh penerimaan maklumat.

5. Memastikan majikan melaksanakan program di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Jabatan Tenaga Kerja bagi masyarakat sektor ladang.

6. Memberi khidmat nasihat dan menjawab kemusykilan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra.

7. Memproses dan meluluskan permohonan lesen agensi pekerjaan dalam tempoh 2 bulan dan pembaharuan lesen dalam tempoh 1 bulan.

CARTA ORGANISASI JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA





Pengurusan Tertinggi



1. Y.BHG. DATO' SH. YAHYA BIN SH. MOHAMED
KETUA PENGARAH



2. ENCIK MOHD JEFFREY BIN JOAKIM
TIMBALAN KETUA PENGARAH I



3. TUAN HAJI MD SABRI BIN HAJI KARMANI
TIMBALAN KETUA PENGARAH II

Pengarah Bahagian



A



B



C

A. Tuan Haji Md Sabri bin Haji Karmani
Pengarah Standard Perburuhan

B. Encik Wan Zulkfli bin Wan Setapa
Pengarah Perkhidmatan Pekerjaan

C. Encik Ahmad Mudi Onn bin Nor
Pengarah Pekerja Asing

D. Encik Azizan bin Zainal Abidin
Pengarah Khidmat Pengurusan

E. Puan Zaharah binti Zainal Abidin
Pengarah Penguatkuasaan

F. Encik Rahmat bin Ismail
Pengarah Penyelidikan dan Perancangan

Pengarah Negeri

1. Encik Khamis bin A.R. Majid
Pengarah Tenaga Kerja
W.P. Kuala Lumpur

2. Encik Fong Khei Por
Pengarah Tenaga Kerja
Negeri Selangor

3. Encik Hoe Lean Fatt
Pengarah Tenaga Kerja
Negeri Pulau Pinang

4. Tuan Haji Nek Yusuf bin Nek Othman
Pengarah Tenaga Kerja
Negeri Perak

Pengarah Bahagian



D



E



F

5. Encik Sritharan Kathiresan
   Pengarah Tenaga Kerja
   Negeri Johor

6. Encik Mohd Sazali bin Keteh
   Pengarah Tenaga Kerja
   Negeri Pahang

7. Tuan Haji Johari bin Kabir
   Pengarah Tenaga Kerja
   Negeri Sembilan

8. Encik S. Tharumarajan
   Pengarah Tenaga Kerja
   Negeri Melaka

9. Encik Mohd Nizar bin Zakaria
   Pengarah Tenaga Kerja
   Negeri Kedah

10. Encik Wan Ismail bin Wan Ibrahim
    Pengarah Tenaga Kerja
    Negeri Perlis

11. Encik Mohd Azmi bin Muhamud
    Pengarah Tenaga Kerja
    Negeri Terengganu

12. Encik Pezman bin Che Hussain
    Pengarah Tenaga Kerja
    Negeri Kelantan



1 Malaysia
1 Gerbang Kerjaya

1 MALAYSIA 1 GERBANG KERJAYA:

MEMPERTINGKAT PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT

Portal JobsMalaysia merupakan gerbang rasmi Kerajaan bagi penawaran dan pencarian pekerjaan oleh pencari kerja dan majikan.

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sentiasa berusaha memberi keutamaan dan mengekalkan peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia selaras dengan matlamat strategik Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan menjamin hak pekerja.

Aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan pada tahun 2010 untuk mempertingkat peluang pekerjaan kepada rakyat adalah seperti berikut:

i. Pengendalian Portal JobsMalaysia;
ii. Penganjuran Program Penempatan Pekerjaan (3P);
iii. Penganjuran dan penyelarasan sesi temu duga terbuka;
iv. Perkhidmatan bimbingan kerjaya;
v. Program Azam Kerja 1 Malaysia; dan
vi. Penggunaan sistem JobsMalaysia APS Link-up.

PENGENDALIAN PORTAL JOBSMALAYSIA

Portal JobsMalaysia menyediakan perkhidmatan pendaftaran pencari kerja dan penawaran kekosongan pekerjaan oleh majikan melalui aktiviti-aktiviti berikut:

PENGENDALIAN PORTAL JOBSMALAYSIA

i. Pendaftaran pekerjaan;
ii. Pencarian kerja
iii. Mengetahui status permohonan kerja
iv. Membuat permohonan kerja
v. Mendapatkan maklumat kekosongan jawatan
vi. Mengiklankan kekosongan jawatan
vii. Membuat carian calon pekerja
viii. Menyenarai pendek calon untuk ditemuduga
ix. Panggilan temuduga terhadap calon
x. Menyemak resume calon



Portal JobsMalaysia boleh dilayari di **www.jobsmalaysia.gov.my**



Pendaftaran Pencari Kerja

Pada tahun 2010 seramai 282,151 pencari kerja telah mendaftar sebagai pengguna baru JobsMalaysia mengikut pecahan julat umur seperti **Jadual 1**.

Jadual 1 : Pendaftaran Pencari Kerja Baru Mengikut Julat Umur bagi tahun 2010

Umur	Bilangan	%
15 – 19	23,299	8.26
20 – 24	155,142	54.99
25 –29	66,259	23.48
30 - 34	19,516	6.78
35 – 39	9,135	3.23
40 – 44	4,857	1.72
45 – 49	2,321	0.82
50 – 54	1,174	0.41
55 – 59	292	0.10
60 - 64	114	0.04
> 65	42	0.01
JUMLAH	**282,151**	**100.00**

Berdasarkan **Jadual 1**, terdapat tiga kategori pendaftar yang mencatat bilangan tertinggi iaitu julat umur 15-19 (8.26%), 20-24 (54.99%) dan 25-29 (23.48%). Trend bilangan pendaftar dalam ketiga-tiga kategori ini adalah selari dengan umur lepasan sekolah, institusi latihan kemahiran dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Pendaftaran Majikan

Sejumlah 36,793 majikan telah mendaftar sebagai pengguna baru JobsMalaysia pada tahun 2010 dengan pecahan mengikut jenis industri seperti dalam **Jadual 2**.

Jadual 2 : Pendaftaran Majikan Baru Mengikut Jenis Industri, 2010

Jenis Industri	Bil. Majikan	%
Pertanian,Perhutanan dan Perikanan	6,441	17.51
Perlombongan dan Pengkuarian	77	0.20
Pembuatan	6,959	18.91
Bekalan Elektrik, Gas, Stim dan Hawa Dingin	274	0.74
Bekalan Air,Pembetungan, Pengurusan Pembuangan Dan Aktiviti Penyemburan	228	0.61
Pembinaan	3,962	10.76
Perdagangan Jualan Borong Dan Runcit, Baiki Kenderaan Bermotor Dan Motosikal	3,843	10.44
Pengangkutan Dan penyimpanan	698	1.89
Aktiviti Perkhidmatan Penginapan Dan Makanan	4,418	12.01
Komunikasi Dan Maklumat	690	1.87
Aktiviti Insurans Dan Kewangan	1,120	3.04
Aktiviti Hartanah	102	0.27
Aktiviti Profesional, Saintifik Dan Teknikal	706	1.91
Aktiviti Perkhidmatan Sokongan Dan Pentadbiran	1,058	2.87
Pentadbiran Dan Pertahanan Awam, Keselamatan Sosial Berwajib	543	1.47
Pendidikan	635	1.72
Aktiviti Kesihatan Manusia Dan Kerja Sosial	406	1.10
Aktiviti Kesenian, Hiburan Dan Rekreasi	70	0.19
Aktiviti Perkhidmatan Lain	4,255	11.56
Ativiti Isi Rumah Sebagai Majikan	212	0.57
Aktiviti Organisasi Dan badan Di Luar Wilayah	96	0.26
JUMLAH	**36,793**	**100.00**

Berdasarkan jadual di atas, keperluan guna tenaga lebih tertumpu kepada tiga jenis industri iaitu industri pembuatan, industri pertanian, perhutanan dan perikanan dan industri perkhidmatan penginapan dan makanan sebanyak 17,818 majikan (48.43%) dalam ketiga-tiga industri ini merupakan penyumbang terbesar kepada bilangan majikan berdaftar di dalam JobsMalaysia.

Penempatan Pencari Kerja

Penempatan pencari kerja merupakan salah satu aktiviti jabatan yang disenaraikan di dalam *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian Sumber Manusia dan ditetapkan sasaran sebanyak 100,000 penempatan pekerjaan .

Pada tahun 2010, JTKSM telah berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan dengan menempatkan sebanyak 110,239 (110.24%) melalui aktiviti-aktiviti penempatan langsung Portal JobsMalaysia, Program Penempatan Pekerjaan, Temuduga Terbuka, Program Khas (gelandangan dan program pasar malam), Kerjasama Agensi Pekerjaan Swasta dan Intergrasi JobsMalaysia-SPA/SPP. Pecahan bilangan penempatan mengikut kategori pekerjaan adalah seperti **Jadual 3**.



Program 3P yang dijalankan di Perlis.

Bagi tujuan laporan ini, jabatan telah mengklasifikasikan kategori pekerjaan kepada tiga golongan pekerjaan iaitu atasan, pertengahan dan bawahan. Berdasarkan jadual di atas, jabatan berjaya melaksanakan penempatan bagi ketiga-tiga kategori pekerjaan iaitu yang tertinggi ialah golongan pekerjaan atasan (45.54%), diikuti golongan pekerjaan bawahan (33.85%) dan golongan pekerjaan pertengahan (20.61%).

Jadual 3 : Penempatan Mengikut Kategori Pekerjaan, 2010

Golongan Pekerjaan	Kategori Pekerjaan	Bilangan Penempatan	Peratus (%)
Atasan	Pengurusan	4,820	4.37
	Professional	19,856	18.01
	Juruteknik dan Professional Bersekutu	25,522	23.15
Pertengahan	Perkeranian	8,758	7.94
	Perkhidmatan dan Jualan	13,318	12.08
	Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	639	0.58
Bawahan	Pekerja pertukangan dan yang Berkaitan	1,193	1.08
	Operator loji, Mesin dan Pemasang	18,347	16.64
	Pekerja Asas	17,786	16.13
	JUMLAH	**110,239**	**100**



Program 3P di Sabah mendapat sambut hebat daripada orang ramai.



AADK turut mengambil bahagian dalam Program 3P di Pahang.



Pegawai JTK ramah melayani pertanyaan daripada pencari kerja.



Pencari kerja berbaris panjang untuk mendaftarkan diri.



Kraftangan juga menawarkan peluang pekerjaan kepada pencari kerja.



Kakitangan JTK sentiasa bersedia untuk membantu orang ramai.



Borang pendaftaran perlu disemak terlebih dahulu untuk direkodkan.



Sijil penghargaan diberikan kepada syarikat yang mengambil bahagian dalam program 3P.

Penubuhan JMC adalah satu pendekatan proaktif dalam penyampaian perkhidmatan pekerjaan berunsurkan *human touch*...

Penubuhan Pusat Jobsmalaysia (JMC)

Idea penubuhan JMC bermula pada tahun 2009 melalui program ***Community Employment Support Service (CESS)*** yang merupakan strategi KSM untuk meningkatkan akses perkhidmatan berkaitan pekerjaan kepada pencari kerja dan majikan, mempromosi peluang pekerjaan, menyediakan perkhidmatan bimbingan kerjaya, mengumpul maklumat kes-kes pemberhentian pekerjaan dan meningkatkan perhubungan dengan majikan.

Pada 25 Mac 2010, bertempat di JMC Cyberjaya YAB Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan pelancaran secara serentak dengan 10 JMC yang beroperasi di Kota Kinabalu, Kuching, Kota Bharu, Segamat, Johor Bahru, Pelabuhan Klang, Kelana Jaya, Ipoh, Gergetown dan Sungai Petani.

Penubuhan JMC adalah satu pendekatan proaktif dalam penyampaian perkhidmatan pekerjaan berunsurkan human touch dan dilaksanakan secara bersepadu dengan perkhidmatan Portal JobsMalaysia.



Sidang video dan sidang akhbar Majlis Perasmian Pusat JobsMalaysia..

FUNGSI JMC

(i) Mempromosi aktiviti dan fungsi JMC kepada pencari kerja dan majikan setempat melalui program ceramah, dialog industri serta hebahan di radio dan televisyen;

(ii) Mewujudkan client account majikan bagi memastikan setiap peluang pekerjaan yang wujud dan penempatan yang berlaku di kawasan jagaan JMC dipantau secara menyeluruh dan berkesan;

(iii) Mengadakan lawatan kemajuan ke premis majikan (selain client account) untuk mendapatkan maklumat kekosongan jawatan dan maklumat penempatan yang dibuat oleh majikan;

(iv) Memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada pencari kerja dan bakal pencari kerja tentang prospek pekerjaan dan persediaan untuk memasuki alam pekerjaan;

(v) Memberi khidmat nasihat kepada majikan, persatuan-persatuan majikan dan pelabur-pelabur berkaitan penawaran tenaga kerja;

(vi) Menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan (3P) untuk menemukan pencari kerja dengan majikan secara terus;

(vii) Membantu majikan mengadakan temu duga terbuka di JMC atau di premis majikan; dan

AZAM KERJA 1 Malaysia
MALAYSIA
www.jobsmalaysia.gov.my

AZAM KERJA 1 MALAYSIA

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 2009 dengan matlamat utama untuk mempertingkat taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. Pelan Halatuju Program Transformasi Kerajaan (GTP) pula telah diperkenalkan bagi memperincikan objektif, keberhasilan dan setiap tindakan permulaan bagi setiap NKRA dengan fokus khusus pada tahun 2010.



Program Azam Kerja 2010 peringkat Negeri Melaka mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada pencari kerja di sekitar negeri Melaka



Program Azam Kerja 2010 peringkat Negeri Pahang

Antara langkah segera yang diambil kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan pada akhir 2010 adalah dengan cara meningkatkan produktiviti golongan ini agar mereka dapat mempertingkatkan pendapatan. Program 1 AZAM telah dirangka dan meliputi 4 komponen iaitu AZAM Tani, AZAM Khidmat, AZAM Niaga dan AZAM Kerja. Program AZAM Kerja dirangka bagi membina keupayaan dan mewujudkan pekerjaan. Melalui AZAM Kerja individu yang produktif akan dipadankan dengan jawatan-jawatan kosong yang ada bagi mempertingkatkan pendapatan. Bagi mereka yang kurang produktif, mereka akan diberikan bantuan serta peluang latihan bagi mempertingkat kemahiran mereka.

Golongan sasar bagi program ini adalah mereka dari golongan miskin tegar dan miskin yang didaftarkan dalam sistem eKasih dengan matlamat akhir adalah supaya mereka dapat mengakhiri zaman miskin (AZAM). Berdasarkan strategi dan matlamat yang telah ditetapkan, Kementerian Sumber Manusia melalui JTKSM diberi peranan melaksanakan Program AZAM Kerja. Daripada 44,463 keluarga miskin tegar yang perlu dibantu di seluruh negara, 893 telah memilih untuk menyertai Program AZAM Kerja.

Jadual 4 : Pencapaian Karnival Penempatan Pekerjaan Azam Kerja 1 Malaysia

Bilangan Peserta Azam Kerja			Bil. Tawaran Pekerjaan & Peluang Keusahawanan	Bil. Menerima Tawaran	Bil. Bukan Peserta Azam Kerja Yang Mendapat Pekerjaan
Ketua Isi Rumah (KIR)	Ahli Isi Rumah (AIR)	Jumlah			
493	400	893	2,623	321	14,010



Program Azam Kerja di Klang, Selangor



Kembar seiras turut mendaftar untuk mencari kerja.

Melalui program AZAM Kerja, JTKSM akan memadankan peserta dengan peluang-peluang pekerjaan yang tidak memerlukan kelayakan dan kemahiran yang tinggi seperti pengawal keselamatan, pembantu kedai, pelayan restoran dan tukang cuci. Pelaksanaan Program AZAM Kerja melibatkan dua fasa yang menggunakan pendekatan berbeza. Fasa pertama melibatkan pendekatan lawatan pegawai-pegawai JTK ke rumah-rumah peserta dengan menawarkan peluang pekerjaan yang bersesuaian. Fasa kedua melibatkan penganjuran Karnival Penempatan Pekerjaan Azam Kerja 1 Malaysia.

Melalui fasa kedua, para peserta diberi peluang untuk memilih pekerjaan yang bersesuaian yang ditawarkan oleh majikan-majikan yang mengambil bahagian. Di samping tawaran peluang pekerjaan, para peserta juga diberi peluang untuk melibatkan diri dalam program keusahawanan yang dapat membantu meningkatkan pendapatan.



Pencari kerja tekun mendengar taklimat Program Azam Kerja.

Daripada 893 peserta Azam Kerja, hanya 321 orang sahaja yang menerima tawaran pekerjaan yang diberikan. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti melanjutkan pelajaran, jarak tempat pekerjaan, menjaga ahli keluarga, tidak minat bekerja dan selesa dengan pekerjaan sediri.

JobsMalaysia APS Link-Up

JobsMalaysia APS-Link-Up merupakan satu sistem yang dibina dan dikuatkuasakan pada 10 Februari 2010 dengan tujuan untuk menggalakkan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) mengakses para pencari kerja yang berdaftar dengan JobsMalaysia untuk penempatan pekerjaan. Sistem ini juga akan memudahkan pemantauan aktiviti pendaftaran dan penempatan pekerjaan secara atas talian (online) serta mampu menjana laporan yang tepat dan berkesan.

APS yang berlesen dengan Jabatan diwajibkan untuk menggunakan kemudahan sistem tersebut. APS bertanggungjawab untuk memasukkan maklumat kekosongan jawatan, pencari kerja, penempatan pencari kerja tempatan dan pekerja asing serta maklumat pekerja yang dihantar ke luar negara.

Sistem ini membolehkan APS menawarkan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh pelanggan mereka dengan menggunakan nama syarikat APS melalui portal JobsMalaysia. Semua maklumat aktiviti pendaftaran dan penempatan APS yang dikemaskini akan digunakan oleh APS sebagai laporan bulanan yang wajib dikemukakan kepada JTKSM.



Pentadbiran Perburuhan Negara



PENTADBIRAN PERBURUHAN NEGARA

JTKSM mengambil tindakan penguatkuasaan melalui aktiviti pendakwaan dan kompaun dengan mensasarkan sebanyak 1,180 kes pada tahun 2010...

JTKSM bertanggungjawab di dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan isu-isu perburuhan dan penggajian pekerja melalui penguatkuasaan akta-akta tertentu:

Akta-Akta yang dikuatkuasakan:

- Akta Kerja 1955
- Akta Pampasan Pekerja 1952
- Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990
- Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981
- Akta (Penggajian) Kanak -Kanak dan Orang Muda 1966
- Akta Maklumat Pekerjaan 1953
- Akta Majlis Penetapan Gaji 1947
- Akta Cuti Mingguan 1950
- Akta (Sekatan) Kerja 1968
- Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007

PENDAKWAAN DAN KOMPAUN

JTKSM mengambil tindakan penguatkuasaan melalui aktiviti pendakwaan dan kompaun dengan mensasarkan sebanyak 1,180 kes pada tahun 2010 untuk dilaksanakan oleh 295 Pegawai Tenaga Kerja yang terlatih di seluruh Semenanjung Malaysia. Tindakan penguatkuasaan ini melibatkan kes-kes pelanggaran undang-undang di bawah Akta Kerja 1955, Akta Pampasan Pekerja 1952 dan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

Jadual 5: Sasaran dan Pencapaian Aktiviti Kompaun Bagi Tahun 2010

Aktiviti	Sasaran	Pencapaian	Amaun
Kompaun	885	728	RM 676,500.00

Merujuk kepada **Jadual 5**, Jabatan telah berjaya mengambil tindakan kompaun sebanyak 728 kes dengan jumlah tawaran kompaun sebanyak RM676,500.00.

Jadual 6: Sasaran dan Pencapaian Aktiviti Pendakwaan Bagi Tahun 2010

Aktiviti	Sasaran	Pencapaian	Amaun
Pendakwaan	295	357	RM 130,437.00

Jadual 6, menunjukkan sebanyak 357 majikan telah diambil tindakan pendakwaan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 99 majikan telah berjaya didakwa dengan amaun denda berjumlah RM130,437.00. Manakala baki kes pendakwaan masih dalam tindakan Mahkamah.

PEMERIKSAAN

Aktiviti pemeriksaan merupakan salah satu aktiviti teras Jabatan. Terdapat tiga jenis pemeriksaan utama yang dilaksanakan oleh JTKSM iaitu:

- Pemeriksaan Pembangunan
- Pemeriksaan Audit
- Pemeriksaan Ladang

Ketiga-tiga jenis pemeriksaan di atas bertujuan memastikan pematuhan kepada undang-undang, sistem pengesanan dan pencegahan awal bagi sebarang pelanggaran undang-undang buruh, menyampaikan pendidikan perburuhan kepada pekerja dan majikan, mengumpul maklumat yang diperlukan bagi tujuan perancangan dasar dan undang-undang dalam bidang perburuhan.

Sepanjang tahun 2010 sebanyak 54,742 tempat pekerjaan telah diperiksa. Hasil daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 5,273 notis pematuhan telah dikeluarkan terhadap majikan yang melanggar undang-undang perburuhan.



Jadual 7: Statistik pemeriksaan mengikut negeri, 2010

NEGERI	PEMERIKSAAN AUDIT	PEMERIKSAAN PEMBANGUNAN	PEMERIKSAAN LADANG	JUMLAH
JOHOR	8066	507	322	8895
KEDAH	4856	563	104	5523
KELANTAN	1837	401	110	2348
MELAKA	1636	274	60	1970
N. SEMBILAN	2383	481	129	2993
P. PINANG	6333	569	11	6913
PERAK	7070	556	288	7914
PERLIS	732	102	4	838
SELANGOR	7585	833	99	8517
TERENGGANU	3210	649	110	3969
K. LUMPUR	4054	341	0	4395
LABUAN	366	101	0	467
JUMLAH	48,128	5,377	1,237	54,742

KES BURUH

Prosedur pengendalian kes buruh yang bersifat murah, mudah dan cepat adalah berdasarkan kepada prinsip *"natural justice"* dan ia adalah merupakan satu sistem *"quasi judicial"* yang merupakan alternatif kepada tuntutan sivil. Pertikaian kes buruh adalah melibatkan tuntutan di antara pekerja dan majikan. Jenis-jenis tuntutan kes buruh:

- Tuntutan di bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955 yang melibatkan pekerja yang bergaji tidak melebihi RM1,500.00 sebulan dan/atau pekerja buruh kasar (*manual worker*) tanpa sebarang had gaji. Tuntutan bagi kategori ini meliputi tuntutan bagi baki gaji, gaji ganti notis, bayaran gaji kerja lebih masa, faedah penamatan serta faedah-faedah lain yang dinyatakan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan.
- Tuntutan di bawah Seksyen 69B Akta Kerja 1955 yang melibatkan tuntutan oleh pekerja yang bergaji melebihi RM1,500.00 hingga RM5,000.00. Tuntutan bagi kategori ini adalah meliputi baki gaji, gaji ganti notis, bayaran komisyen atau bayaran-bayaran lain sebagaimana yang dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan.
- Tuntutan di bawah Seksyen 69C Akta Kerja 1955 yang melibatkan tuntutan oleh pihak majikan terhadap pekerja kerana telah berhenti atau menamatkan perkhidmatan tanpa sebarang notis atau tanpa menunggu sehingga berakhirnya tempoh notis penamatan tersebut.



Jadual 8: Statistik pengendalian dan penyelesaian Kes Buruh, 2008 hingga 2010

TAHUN	KES DIKENDALIKAN	KES DISELESAIKAN (%)	AMAUN PERINTAH (RM)
2008	13,792	11,621(84.0%)	18,396,593.00
2009	12,891	11,174 (86.6%)	20,753,323.00
2010	14,384	12,794 (89.0%)	25,687,106.00

- Mahkamah Buruh boleh mendengar pertikaian melibatkan tuntutan bagi bayaran gaji sebagaimana ditetapkan di dalam mana-mana Perintah Penetapan Gaji di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947.

Berdasarkan **Jadual 8**, bilangan kes yang dikendalikan pada tahun 2010 lebih tinggi berbanding tahun 2009 dan peratusan penyelesaian kes pada tahun yang sama turut menunjukkan peningkatan sebanyak 3.6 peratus (12,794 kes) berbanding tahun 2009 (11,174 kes) dengan melibatkan amaun yang diperintah berjumlah RM 25,687,106.00.

Selaras dengan peruntukan Aturan 49, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah, 1980 mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah Buruh boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh Perintah dikeluarkan.

Perintah Mahkamah Buruh yang telah didaftarkan sebagaimana kehendak Aturan 39 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, ia boleh dikuatkuasakan di Mahkamah Sivil dan antara tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah:

- Saman Penghutang Penghakiman
- Notis Penghakiman
- Writ Penyitaan dan Penjualan
- Garnismen

PERMIT PERBURUHAN

Permit Perburuhan merupakan kebenaran Ketua Pengarah atau pengecualian oleh Menteri Sumber Manusia terhadap pemakaian sebahagian atau keseluruhan undang-undang perburuhan yang berkaitan.

Jenis-jenis permit yang dikeluarkan di bawah Akta Kerja 1955 adalah:

- Membayar Gaji Lewat
- Pendahuluan Gaji
- Potongan Gaji
- Pengecualian Daripada Sekatan Wanita Kerja Malam
- Mengumpul Cuti Rehat Mingguan
- Kelonggaran Waktu Kerja Biasa
- Kebenaran Waktu Kerja Syif
- Bekerja Melebihi Sekatan Kerja Lebih Masa
- Kelulusan Skim Bayaran Insentif
- Menyimpan Daftar di Ibu Pejabat
- Menyimpan Daftar dalam Bentuk Lain

Jenis-jenis kebenaran yang dikeluarkan di bawah Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 adalah melibatkan:

- Kebenaran Wanita Berumur Kurang Daripada 16 Tahun Bekerja di kelab
- Kebenaran Kanak-Kanak dan Orang Muda Mengambil Bahagian di dalam Hiburan Awam

Jenis-Jenis kelulusan yang dikeluarkan di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kelulusan Pekerja 1990 adalah seperti berikut:

- Kelulusan Pelan Bangunan
- Kelulusan Membina Atau Mengubahsuai Rumah Pekerja/Pusat Asuhan Kanak-Kanak
- Sijil Kelayakan Menduduki Rumah Pekerja (CF)
- Sijil Kelayakan Menduduki Pusat Asuhan Kanak-Kanak
- Bekalan Air Sumber Persendirian

Jadual 9: Statisik Permohonan Kendali dan Selesai Mengikut Jenis Permit Perburuhan Di bawah Akta Kerja 1955, 2010

JENIS PERMOHONAN PERMIT	PERMOHONAN KENDALI	PERMOHONAN SELESAI
Membayar Gaji Lewat	73	71
Pendahuluan Gaji	12	11
Potongan Gaji	321	317
Wanita Kerja Malam	103	102
Melebihi Sekatan Kerja Lebih Masa	98	97
Menyimpan Daftar Pekerja	174	173
Kebenaran Untuk Kelonggaran Waktu Kerja Biasa	21	19
Menetapkan Hari Rehat Pada Hari Lain	3	3
Skim Bayaran Insentif Yang Diluluskan	8	8
Kebenaran Menyimpan Daftar dalam Bentuk Lain	3	3
Permit-Permit Lain	57	49
JUMLAH	873	853 (97.7%)

Merujuk **Jadual 9**, sebanyak 861(98.6%) permohonan diselesaikan daripada 873 permohonan dikendalikan pada tahun 2010. Tiga jenis permit yang mencatatkan pengendalian tertinggi iaitu permohonan permit potongan gaji, wanita kerja malam dan menyimpan daftar pekerja.

PENGUATKUASAAN AKTA ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN 2007

Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007 (ATIP) telah digubal untuk membasmi pemerdagangan orang dengan pelaksanaan penguatkuasaaan dan perlindungan mangsa. ATIP adalah satu komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan dalam menangani masalah pemerdagangan orang.

Matlamat mewujudkan ATIP adalah bertujuan untuk membasmi masalah pemerdagangan orang samada melibatkan warganegara atau bukan warganegara dan ia juga bertujuan untuk menangani isu penyeludupan migran di negara ini secara *holistic* yang merangkumi aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan dengan pemantauan Majlis Anti-Pemerdagangan Orang (MAPO) selaras dengan Garis Panduan Perlindungan Antarabangsa UNHCR Protokol *(PALEMOR Protocol)*.

Pada Julai 2010, ATIP telah dipinda dan dikuatkuasakan dengan nama Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007. Pindaan ini telah memberi tanggung jawab baru kepada Pegawai Tenaga Kerja setelah diwartakan sebagai pegawai penguatkuasa di bawah akta ini. Sehubungan itu, Jabatan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan unit ATIP yang berfungsi untuk menyiasat, melaksanakan tugas-tugas pendakwaan dan operasi penguatkuasaan.



Penyerahan baki gaji RM26,830 kepada 8 pekerja Vietnam oleh YB Dato' KP JTKSM daripada syarikat Spectra Alucast yang didakwa di bawah ATIP 2007 (24/12/2010)

Agensi-agensi lain yang terlibat dengan penguatkuasaan di bawah ATIP:

- Polis Diraja Malaysia
- Jabatan Imigresen Malaysia
- Kastam Diraja Malaysia
- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

Pada tahun 2010, JTKSM dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia telah berjaya menyelesaikan kes pertama ATIP berkaitan tunggakan bayaran gaji lapan pekerja asing warganegara Vietnam sebanyak RM26,800.00.

AKTA (PENGGAJIAN) KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA 1966

Pindaan akta ini bertujuan menaikkan had umur kanak-kanak dan orang muda yang boleh diambil bekerja selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) – Konvensyen Umur Minimum 1973 *(Minimum Age Convention – C138)* yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada 9 September 1997.

Definisi "kanak-kanak" adalah individu berumur di bawah 15 tahun, manakala "orang muda" adalah merujuk kepada individu yang bukan kanak-kanak dan berumur tidak melebihi 18 tahun.

Melalui pindaan tersebut juga seksyen baru telah dimasukkan bagi menangani kes yang melibatkan tanggungan liabiliti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, perkongsian, pertubuhan dan kesatuan sekerja.

Selain itu, pindaan juga telah dibuat terhadap peruntukan penalti am *(general penalty)* dengan meningkatkan hukuman penjara dan denda bagi kesalahan pertama, kedua dan seterusnya sebagai langkah untuk menghalang majikan atau sesiapa saja daripada melakukan kesalahan di bawah akta ini.

DEFINISI "UMUR"	Kanak-Kanak Didefinisikan sebagai mana-mana orang yang belum mencapai umur 15 tahun Orang Muda Didefinisikan sebagai mana-mana orang yang bukan kanak-kanak yang belum mencapai umur 18 tahun

PENALTI	Kesalahan Pertama Penjara tidak lebih dari 1 tahun atau denda tidak lebih RM5000 atau kedua-duanya Kesalahan Kedua dan Seterusnya Penjara tidak lebih dari 3 tahun atau denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya.

PEWUJUDAN PERATURAN BARU DI BAWAH AKTA KERJA 1955
PERATURAN-PERATURAN KERJA (PEKERJA SEPARA MASA) 2010

Jabatan telah memperkenalkan peraturan baru berhubung pekerja-pekerja separa masa yang dikenali sebagai Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 dan berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2010. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi kebajikan dan menetapkan faedah-faedah minimum pekerja-pekerja separa masa. Di samping itu ia turut membuka peluang pekerjaan separa masa dan menggalakkan penyertaan golongan luar guna tenaga Negara ke dalam pasaran buruh serta dapat mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing.



Mesyuarat Bersama Persatuan Seniman, Karyawan dan Media Prima Berhubung Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 serta penyertaan kanak-kanak dan orang muda di dalam Hiburan Awam

Pengendalian Aduan

Aduan yang diterima berhubung isu-isu penggajian pekerja dari pelbagai sumber seperti Biro Pengaduan Awam, media massa, Pejabat Perdana Menteri, surat, pengadu hadir sendiri dan lain-lain pihak yang terkilan disiasat dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan demi menjamin keharmonian industri.

Sebanyak 5,411 kes aduan yang dikendalikan oleh Jabatan ini sepanjang tahun 2010 iaitu 4,701 kes merupakan aduan pekerja tempatan dan 710 kes merupakan aduan pekerja asing. Daripada jumlah tersebut, 97% kes berjaya diselesaikan sepanjang tahun 2010 iaitu 5,256 kes dan baki 3% kes yang diterima pada penghujung tahun di bawa ke tahun 2011. **Jadual 10** menunjukkan aduan yang dikendali dan diselesaikan oleh Jabatan ini pada tahun 2010 mengikut negeri.

Peratusan tertinggi bagi sumber penerimaan aduan oleh Jabatan ini adalah sebanyak 74% iaitu pengadu hadir sendiri ke Pejabat Tenaga Kerja atau aduan langsung. Seterusnya 8% aduan diterima melalui pelbagai punca seperti daripada NGOs dan parti politik dan 7% diterima melalui Pejabat Timbalan Menteri Sumber Manusia. (Rujuk **Carta 1**).

Statistik di **Carta 2** menunjukkan Jabatan telah mengendalikan 5,489 kes aduan pada tahun 2007 dan ia telah meningkat sebanyak 259 kes iaitu kepada 5,748 kes pada tahun 2008. Kegawatan ekonomi yang melanda negara pada tahun 2008 turut menyumbang kepada peningkatan aduan kerana kebanyakkan isu yang berbangkit adalah berhubung isu penutupan syarikat, *shut down* dan pemberhentian pekerja.

Pada tahun 2009 pula, kes aduan yang dikendalikan telah menurun sebanyak 127 kes kepada 5,621 kes dan terus menurun sebanyak 211 kes pada tahun 2010 iaitu 5,411 kes yang dikendalikan.

Carta 1: Peratusan Aduan Dikendalikan Mengikut Sumber, 2010



Carta 2: Statistik Kes Aduan Dikendalikan,2007 hingga 2010



Jadual 10: Statistik pengendalian dan penyelesaian Kes Buruh, 2008 hingga 2010

PTK	Pekerja Tempatan		Pekerja Asing	
	Kes kendali	Kes selesai	Kes kendali	Kes selesai
Johor	479	466	108	99
Kedah	276	274	23	23
Kelantan	92	91	8	8
Melaka	288	283	41	40
Negeri Sembilan	197	196	37	37
Pahang	366	361	33	33
Pulau Pinang	363	363	77	77
Perak	801	766	66	66
Perlis	40	40	3	3
Selangor	1169	1154	255	252
Terengganu	134	132	14	14
W.P Kuala Lumpur	452	398	43	35
W.P Labuan	44	44	2	2
JUMLAH	4701	4568	710	689



Pengendalian Aduan Pekerja Asing

Jadual 11 : Statistik Aduan Pekerja Asing Yang Dikendali dan Diselesaikan, 2007 hingga 2010

TAHUN	KENDALI	SELESAI	PERATUSAN SELESAI (%)
2007	646	633	98
2008	712	695	98
2009	758	744	98
2010	710	689	97
JUMLAH	2,826	2,761	98

Jadual 12 : Statistik Aduan Pekerja Asing Suku Tahun Pertama Yang Dikendali dan Diselesaikan, 2007 hingga 2010

TAHUN	KENDALI	SELESAI	PERATUSAN SELESAI (%)
2007	209	185	89
2008	203	176	87
2009	190	158	83
2010	159	123	77
JUMLAH	761	642	84

Bagi tempoh 4 tahun ini, Jabatan telah mengendalikan sebanyak 2,826 aduan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,761 aduan dapat diselesaikan sepenuhnya. Berdasarkan peratusan, Jabatan telah berjaya menyelesaikan 98 peratus bagi tempoh tersebut.

Berdasarkan statistik dari tahun 2007 sehingga 2009, jumlah aduan yang melibatkan pekerja asing semakin meningkat iaitu 646 aduan (2007), 712 aduan (2008) dan 758 aduan (2009). Manakala bagi tahun 2010, jumlah aduan yang dikendalikan telah menurun kepada 710 aduan sahaja.

Penurunan aduan yang dikendalikan boleh dikaitkan dengan faktor pengurangan pekerja asing yang digajikan oleh majikan selaras dengan dasar yang menghadkan kemasukan pekerja asing ke Malaysia dan membekukan pengambilan pekerja asing di beberapa sub-sektor bagi sektor perkhidmatan di samping membekukan pengambilan pekerja asing dari Bangladesh.

Bagi tahun 2007, jumlah pekerja asing adalah seramai 2,044,805 orang, meningkat kepada 2,062,596 orang tetapi berkurang kepada 1,591,461 orang. Faktor pengurangan yang drastik ini boleh dikaitkan dengan masalah kemelesetan ekonomi yang melanda dunia pada akhir tahun 2008 sehingga ke tahun 2009.

Pendedahan majikan terhadap undang-undang perburuhan dan hak-hak pekerja serta majikan berdasarkan undang-undang tersebut turut menyumbang kepada penurunan aduan melibatkan pekerja asing yang dikendalikan oleh Jabatan. Selain daripada itu, kerjasama antara jabatan dengan kesatuan-kesatuan majikan serta pekerja seperti mengadakan dialog turut memberikan impak kepada pematuhan undang-undang perburuhan.

Jika dibandingkan dengan statistik aduan yang dikendali bagi suku pertama 5 tahun kebelakangan ini menunjukkan penurunan jumlah aduan yang dikendalikan. Bagi tahun 2007, Jabatan telah mengendalikan sebanyak 209 aduan dan semakin menurun kepada 203 aduan (2008), 190 aduan (2009), dan 159 aduan (2010).

Jumlah peratusan aduan yang diselesaikan bagi tahun 2007 sehingga 2010 didapati jumlah peratusan semakin berkurang iaitu daripada 89 peratus (2007) berkurang kepada 87 peratus (2008), 83 peratus (2009) dan 77 peratus (2010).



LADANG

Aktiviti-aktiviti Jabatan berkaitan sektor perladangan adalah tertakluk kepada Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) yang menyediakan garis panduan minimum kepada pihak majikan yang menyediakan kemudahan perumahan pekerja ladang bagi menjaga kebajikan komuniti ladang.

Jadual 13 : Bilangan Ladang dan Mempunyai Perumahan Mengikut Negeri.

Negeri	Bil. Ladang	Bil. Ladang Ada Perumahan
Negeri Sembilan	107	103
Kelantan	112	93
Melaka	95	79
Terengganu	106	95
Perlis	4	4
Perak	360	238
Pahang	323	306
Johor	365	357
Kedah	101	71
Selangor	92	86
Pulau Pinang	18	4
Jumlah	1683	1436

Perumahan Pekerja

Rumah pekerja adalah terbahagi kepada dua kategori iaitu rumah standard ; rumah yang dibina mengikut spesifikasi Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan rumah sub-standard ; rumah yang dibina sebelum 1990 dan tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan mengikut Akta 446.

Statistik jabatan mendapati bilangan unit rumah standard yang terkini adalah 39,520 unit. Manakala rumah sub-standard adalah 21,864 unit. Statistik lengkap adalah seperti di **Jadual 14** Dalam pada itu, terdapat cadangan supaya ladang-ladang yang dibina sebelum 1990 tetapi menepati spesifikasi Akta 446 dan selamat untuk diduduki, menghantar pelan perumahan kepada pihak JTKSM untuk mendapatkan Sijil layak Menduduki.

Dalam usaha mengurangkan bilangan rumah sub-standard, mesyuarat telah mencadangkan supaya kategori-kategori rumah sub-standard diasingkan seperti berikut :

i) Rumah yang dibina sebelum 1990 tetapi selamat untuk diduduki;
ii) Rumah yang dibina sebelum 1990 yang memerlukan pengubahsuaian;
iii) Rumah yang dibina tanpa kelulusan pelan;
iv) Rumah sementara

Jadual 14 : Bilangan Rumah Mengikut Kategori Standard dan Substandard

Negeri	Bilangan Rumah		Bil. Rumah
	Standard	Substandard	
Negeri Sembilan	3468	1694	5162
Kelantan	1,357	828	2,185
Melaka	1,413	403	1,816
Terengganu	1935	1498	3433
Perlis	133	213	346
Perak	5409	4727	10136
Pahang	8,423	3,015	11,438
Johor	12,875	6,257	19,132
Kedah	1,660	1,468	3,128
Selangor	2,833	1,659	4,524
Pulau Pinang	14	102	116
Jumlah	39,520	21,864	61,416

Kemudahan Bekalan Air

Seksyen 6 (1) (a), Akta 446, meletakkan tanggungjawab kepada majikan untuk menyediakan bekalan air minum yang bersih sama ada dari sumber awam atau sumber sendiri dengan syarat mendapat kelulusan Ketua Pengarah Tenaga Kerja terlebih dahulu. Sebanyak 763 buah ladang telah menyediakan bekalan air sumber awam kepada pekerja manakala 702 buah ladang mendapat bekalan air dari sumber sendiri yang dirawat atau ditapis.

JTKSM akan memastikan semua ladang menyediakan bekalan air sumber awam kepada perumahan pekerja mereka. Walau bagaimanapun, jabatan akan mempertimbangkan permohonan majikan ladang yang mempunyai alasan-alasan munasabah bagi menyediakan bekalan air sumber sendiri.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ke atas sektor perladangan di Malaysia (tidak termasuk Sabah) yang menggunakan bekalan air sumber sendiri, terdapat beberapa isu berbangkit yang telah dikenalpasti iaitu :

i) Waktu bekalan yang kurang daripada 24 jam;
ii) Tahap kebersihan dan keselamatan air yang dibekalkan kurang memuaskan;
iii) Tiada penyelia loji air khusus yang digaji;
iv) Pusat rawatan air tidak diselenggarakan dengan baik; dan
v) Tiada kawalan ke atas kawasan tadahan air.



Meninjau kemudahan bekalan air di Ladang Nigel Gardner.

Kemudahan Bekalan Elektrik

Mengikut Seksyen 6(2), Akta 446, mana-mana majikan yang menyediakan kemudahan pekerja dikehendaki untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi kepada pekerja mereka. Statistik jabatan menunjukkan sebanyak 1,059 majikan ladang telah menyediakan bekalan elektrik sumber awam kepada perumahan pekerja mereka. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 174 majikan masih menggunakan meter pukal *(bulk meter)* di mana kadar yang dikenakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah kadar komersil atau industri. Selain itu, sejumlah 403 buah ladang masih menyediakan bekalan elektrik sumber sendiri kepada pekerja ladang.

Jadual 15 : Bilangan Majikan Menggunakan Bekalan Air Sumber Awam Dan Sendiri Mengikut Negeri Dan Jenis Sumber

Negeri	Sumber Awam Tempatan		Sumber Sendiri	Jumlah
	Komersial	Domestik	Percuma	
N. Sembilan	13	55	36	104
Kelantan	0	13	84	97
Melaka	21	20	38	79
Terengganu	9	55	31	95
Perlis	0	3	1	4
Perak	37	130	71	238
Pahang	55	78	181	314
Johor	37	120	208	365
Kedah	0	53	20	73
Selangor	0	60	32	92
Pulau Pinang	0	4	0	4
Jumlah	172	591	702	1,465



Jadual 16 : Bilangan Majikan Menggunakan Bekalan Elektrik Sumber Awam Dan Sendiri Mengikut Negeri Dan Jenis Sumber

Negeri	Sumber Awam Tempatan		Sumber Sendiri	Jumlah
	Komersial	Domestik	Percuma	
Negeri Sembilan	26	75	5	106
Kelantan	0	46	47	93
Melaka	0	67	12	79
Terengganu	13	56	26	95
Perlis	0	3	1	4
Perak	30	179	30	239
Pahang	41	138	132	311
Johor	58	182	126	366
Kedah	0	72	1	73
Selangor	6	63	23	92
Pulau Pinang	0	4	0	4
Jumlah	174	885	403	1462

Perkhidmatan Kesihatan

Didapati sebanyak 476 buah klinik disediakan oleh majikan ladang di Semenanjung Malaysia. Klinik ini ditempatkan di dalam kawasan berhampiran pusat pentadbiran majikan ataupun berada di luar kawasan bagi memberi perkhidmatan kepada beberapa perumahan pekerja ladang bagi satu kumpulan ladang. Sebagai contoh, Ladang Sengkang di Negeri Sembilan yang mempunyai dua bahagian ladang iaitu Ladang Sengkang (*Home Division*) dan Ladang Sengkang 2 tetapi menyediakan kemudahan klinik yang terletak di Pekan Pasir Panjang, Port Dickson.

Seramai 236 orang pembantu hospital *(Hospital Assistant)* sepenuh masa digajikan oleh pihak majikan ladang manakala 231 orang bertugas secara separuh masa. Bilangan klinik ladang mengikut negeri serta bilangan pembantu hospital adalah seperti di dalam **Jadual 17**.

Jadual 17 : Bilangan Klinik Ladang

Negeri	Bil. Klinik Ladang	Bil. Pembantu Hospital (HA)	
		Sepenuh Masa	Separuh Masa
Kedah	29	17	9
Perak	95	38	55
Terengganu	18	8	6
Kelantan	11	10	0
Johor	152	67	78
Pahang	39	31	12
Perlis	0	0	0
Negeri Sembilan	48	27	18
Melaka	23	4	23
Selangor	59	33	29
Pulau Pinang	2	1	1
Jumlah	476	236	231



Meninjau kemudahan yang disediakan dalam kawasan perumahan pekerja ladang.



Majlis Pecah Tanah dan Perasmian Projek Perumahan Pekerja Mutiara Lekir.

Kemudahan Jalan Berturap

Berdasarkan rekod JTKSM, terdapat sebanyak 753 buah ladang masih tidak mempunyai jalan berturap yang melibatkan jarak sejauh 3465 kilometer. Jarak yang jauh daripada jalan utama telah menyebabkan pihak majikan ladang tidak mampu untuk menanggung kos penyediaan kemudahan tersebut. Oleh yang demikian, bantuan peruntukan untuk tujuan tersebut adalah diperlukan bagi membolehkan kemudahan tersebut disediakan kepada masyarakat ladang yang memerlukannya. Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komuditi (KPPK) dan JTKSM sedang bekerjasama bagi program meningkatkan kemudahan jalan di ladang.

Dalam pada itu, terdapat juga ladang-ladang yang menggunakan jalan berturap sebagai jalan perhubungan utama. Statistik jabatan menunjukkan sejumlah 726 ladang menurapkan jalan dengan jarak keseluruhan 2511 kilometer.

Jadual 18: Bil Ladang Mempunyai Jalan Tidak Berturap Mengikut Negeri

Negeri	Jalan Tidak Berturap	
	Bil. Ladang	Jarak Jalan (kilometer)
Negeri Sembilan	62	129.5
Kelantan	57	121.6
Melaka	24	55.15
Terengganu	65	231.58
Perlis	0	0
Perak	108	793.15
Pahang	176	1230.10
Johor	187	778.6
Kedah	15	36.4
Selangor	43	64.6
Pulau Pinang	16	25
Jumlah	753	3,465.68

Jadual 19 : Bil. Ladang Mempunyai Jalan Berturap Mengikut Negeri

Negeri	Jalan Berturap	
	Bil. Ladang	Jarak Jalan (kilometer)
Negeri Sembilan	44	73.7
Kelantan	45	150
Melaka	55	20.45
Terengganu	44	112.5
Perlis	4	25
Perak	130	468.6
Pahang	140	686.95
Johor	188	908.5
Kedah	43	49.5
Selangor	31	14.9
Pulau Pinang	2	1
Jumlah	726	2,511



Pengangkutan Anak-Anak Pekerja Ladang Ke Sekolah

Dalam usaha menggalakkan perkembangan sektor perladangan dan menarik minat warga tempatan, pihak jabatan telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan agensi perladangan bagi memberikan faedah-faedah tambahan. Bagi tujuan tersebut, pada 1 September 2010 pihak MAPA telah mengeluarkan satu pekeliling yang menggalakkan ahli-ahli memberikan subsidi 90% untuk pengangkutan anak-anak pekerja ladang ke sekolah. Manakala ladang-ladang yang telah memberikan subsidi penuh digalakkan untuk meneruskan amalan tersebut.

Jadual 20: Subsidi Pengangkutan Anak-Anak Pekerja Ladang Ke Sekolah.

Agensi	Bil. Pelajar			Subsidi yang diamalkan sekarang (%)	Subsidi Terkini				*Tarikh kuatkuasa subsidi
	Bil. Ladang	Rendah	Menengah		Bil. <50%	51-70%	71-90%	*Penuh	
Genting Plantations Bhd	9	181	4	-	-	-	9	-	Sept. 2010
KLK Berhad	73	2301	-	0-100%	0	65	3	5	Sept. 2010
EPA Management	35	1480	-	90-100%	-	-	-	35	Sept. 2010
Boustead	26	995	-	50-90%	-	-	26	-	Sept. 2010
United Plantations Bhd	6	123	-	50-100%	-	2	3	1	Sept. 2010
Benta Plantations	1	24	8	90%	-	-	-	1	Sept. 2010
FELDA Plantations	150	-	-	90-100%	-	-	-	150	Sept. 2010
Gang Teng Siew Realty	1	11	20	50-70%	-	1	-	-	Sept. 2010
Sime Darby	215	4528	41	60-100%	-	60-100% (AMESU – 100%, NUPW – 60-100%)			Sept. 2010
IOI Corporation	22	-	-	RM 15-20		RM 15-20 (Sebahagian ladang disediakan pengangkutan percuma – ladang di Keratong, Pahang dan di Kahang, Johor)			Sept. 2010
TH Plantations	22	-	-	50-100%	8	-	-	14	Sept. 2010
JUMLAH	565	9,643	73	-	-	-	-	-	-

***Nota**

- Subsidi penuh adalah termasuk kenderaan percuma yang disediakan ladang atau bayaran tambang 100%
- Sebahagian ladang telah memberi subsidi sehingga 100% setelah jabatan mengadakan mesyuarat bersama agensi-agensi perladangan pada 28 Julai 2010.



Pekerja Di Sektor Perladangan

Melihat dari segi statistik bilangan pekerja di sektor perladangan, bilangan pekerja asing mengatasi bilangan pekerja tempatan di mana bilangan pekerja asing keseluruhan termasuk yang digajikan oleh kontraktor adalah seramai 101,102 orang. Manakala bilangan pekerja tempatan keseluruhan termasuk yang digaji oleh kontraktor adalah seramai 54,396 orang. Dari segi peratusan menunjukkan 35% bilangan pekerja di sektor perladangan adalah pekerja tempatan dan selebihnya (65%) adalah pekerja asing. Dari segi bilangan pekerja yang digajikan terus dan digajikan oleh kontraktor, 92% pekerja tempatan adalah pekerja yang digajikan terus manakala 77% pekerja asing yang bekerja di sektor perladangan adalah pekerja yang digajikan terus oleh majikan ladang.

Jadual 21 : Bilangan Pekerja Tempatan dan Asing Mengikut Negeri (Digajikan terus)

Negeri	Bilangan Pekerja		Jumlah
	Tempatan	Asing	
Negeri Sembilan	4013	4568	8581
Kelantan	3,603	4,884	8,487
Melaka	1,280	1,430	2,710
Terengganu	3776	5507	9283
Perlis	100	62	162
Perak	9763	10091	19854
Pahang	7,404	22,961	30,365
Johor	13,588	22,227	35,815
Kedah	3,122	1,841	4,963
Selangor	3,512	4,737	8,249
Pulau Pinang	189	45	234
Jumlah	50,350	78,353	128,703

Jadual 22 : Bilangan Pekerja Tempatan Dan Asing Mengikut Negeri (Digajikan Oleh Kontraktor)

Negeri	Bilangan Pekerja		Jumlah
	Tempatan	Asing	
N. Sembilan	97	1702	1799
Kelantan	168	748	916
Melaka	195	1,081	1,276
Terengganu	262	1521	1,783
Perlis	15	310	325
Perak	1375	4049	5424
Pahang	232	5,017	5,249
Johor	1,030	5,834	6,864
Kedah	427	1,303	1,730
Selangor	245	1,127	1,372
Pulau Pinang	0	57	57
Jumlah	4,046	22,749	26,795



Kontraktor Ladang

Mengikut rekod jabatan, bilangan kontraktor di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 2,387 di mana negeri Johor mempunyai bilangan kontraktor ladang terbanyak iaitu sebanyak 628 kontraktor diikuti oleh negeri Perak sebanyak 499 kontraktor dan negeri Pahang dengan 411 kontraktor. Bilangan keseluruhan pekerja (asing dan tempatan) yang digajikan oleh kontraktor adalah seramai 26,795 orang atau 17% daripada jumlah keseluruhan pekerja di sektor perladangan.

Jadual 23 : Bilangan Kontraktor Mengikut Negeri

Negeri	Kontraktor
Negeri Sembilan	231
Kelantan	64
Melaka	124
Terengganu	173
Perlis	13
Perak	499
Pahang	411
Johor	628
Kedah	119
Selangor	121
Pulau Pinang	4
Jumlah	2,387

Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja-Pekerja Estet (SPPKR-PPE)

Memandangkan kebanyakan pekerja ladang tinggal di rumah yang disediakan oleh majikan di dalam kawasan ladang, skim ini diwujudkan bertujuan memberi jaminan kepada kepada pekerja-pekerja ladang bagi memiliki rumah sendiri apabila mereka bersara kelak. Antara syarat-syarat asas untuk memohon pinjaman melalui skim ini adalah seperti :

i. Warganegara Malaysia;
ii. Masih bekerja dengan majikan ladang;
iii. Bekerja di ladang sekurang-kurangnya 10 tahun;
iv. Belum memiliki rumah sendiri;
v. Berpendapatan minima RM680 dan maksima RM3,000.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional yang dilantik sebagai badan yang menguruskan pinjaman. Antara keistimewaan skim ini adalah :

i. Kadar pinjaman yang rendah (-2.3% kadar BLR semasa);
ii. Tempoh pinjaman sehingga 40 tahun;
iii. Pinjaman menjangkau generasi kedua;
iv. Kuota khas pekerja ladang.

Program ini diwujudkan dengan harapan lebih ramai pekerja tempatan akan berminat untuk bekerja di sektor perladangan di samping mengekalkan pekerja-pekerja tempatan yang masih bekerja.

AMALAN MENCEGAH DAN MEMBASMI GANGGUAN SEKSUAL

Menyedari pelbagai peranan wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik negara, strategi-strategi yang khusus telah dibentuk bagi melibatkan wanita secara berkesan dalam proses pembangunan ekonomi negara. Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan, tumpuan hendaklah diberi kepada faktor-faktor yang mendorong mereka untuk bekerja dalam suasana yang selamat. Salah satu cabaran adalah melindungi pekerja wanita daripada gangguan seksual. Perkara ini perlu menjadi dasar penting kepada wawasan dan kualiti kehidupan dalam organisasi kerja. Gangguan seksual adalah satu bentuk gejala sosial yang boleh memberi kesan buruk kepada keselamatan, kesejahteraan dan hak asasi wanita.

Tujuan

Memberi perlindungan sewajarnya kepada para pekerja khususnya pekerja wanita dari sebarang gangguan di tempat kerja yang boleh menjejaskan produktiviti kerja dan keselamatan mereka.

Objektif

Menyedarkan majikan bahawa penyediaan tempat kerja yang selamat dan kondusif bukan sahaja dengan menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik tetapi tahap kebajikan dandan keselamatan pekerja wanita juga perlu diambil berat dengan memastikan mereka rasa terjamin dan selamat apabila berada di tempat kerja.

Memberi kesedaran kepada golongan wanita itu sendiri tentang cara menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja. Meningkatkan kesedaran tentang hak dan mengurangkan aduan berkenaan gangguan seksual di tempat kerja serta mengatasi gejala buruk yang tidak diingini dalam mewujudkan suasana kerja yang selamat di tempat kerja.



Jadual 24 : Kes Aduan Gangguan Seksual Yang DiTerima, 2003 Hingga 2010

Negeri	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
JOHOR	2	1	3	13	9	2	2	4
KEDAH	2		1	4	1	1	4	
KELANTAN		1	2	1			1	
MELAKA			1	2	3	1	1	1
N.SEMBILAN		4		2	1	2	4	1
PAHANG				4	4		2	
P.PINANG	1	2	1					2
PERAK		6	1	2	1		3	4
PERLIS				1			1	
SELANGOR	4			3	2	1		2
TERENGGANU	1					2		
K. LUMPUR		4		6	1	9	4	5
LABUAN			1			1	0	
JUMLAH	10	18	10	38	22	19	22	19

Statistik menunjukkan negeri yang paling banyak menerima aduan gangguan seksual adalah PTK Johor iaitu sebanyak 36 kes (22.7%) diikuti PTK Kuala Lumpur iaitu 29 kes(18.5%).

Jadual 25 : Jumlah Kes Aduan Gangguan Seksual Diterima Dan Diselesaikan Dari 2003 hingga 2010

Tahun	Bilangan
2003	10
2004	18
2005	10
2006	38
2007	22
2008	19
2009	22
2010	19
Jumlah	158

Jabatan percaya masih terdapat gangguan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan berdasarkan kepada faktor berikut:

- Enggan menanggung malu
- Kurang kesedaran mengenai apa itu gangguan seksual
- Takut kehilangan pekerjaan
- Kurang keyakinan terhadap keupayaan syarikat menyelesaikan kes.
- Kurang keyakinan terhadap kredibiliti Jabatan Tenaga Kerja menyelesaikan kes

Implikasi Gangguan Seksual

Gangguan seksual di tempat kerja jika tidak di atasi akan memberi kesan kepada kerjaya pengadu, tekanan psikologi dan membawa kesan keruntuhan akhlak kepada masyarakat. Oleh demikian pelbagai langkah dan tindakan telah diambil bagi mengurangkan kes-kes gangguan seksual di tempat kerja.

Kesan Gangguan Seksual ke Atas Pengadu

- Prestasi kerja mangsa di tempat kerja; dari segi kualiti dan kuantiti kerja, juga terhadap moral, kedatangan kerja dan keupayaan bekerja dengan orang lain.
- Maruah seseorang wanita atau pekerja tergugat.
- Penafian hak-hak pekerja seperti kenaikan pangkat, mendapat pengiktirafan menikmati peluang-peluang yang saksama, hak pembayaran gaji, hak asasi seperti berehat, bercuti dan perlindungan



sosial lain boleh berlaku disebabkan masalah gangguan seksual.
- Mangsa akan hilang rasa kepercayaan kepada organisasi. Semangat untuk bekerja mula hilang. Mangsa akan hanya sekadar meneruskan kerja demi menjaga ekonomi keluarga sahaja.
- Mendorong amalan yang tidak sihat secara berterusan dilakukan oleh penyelia, ketua atau majikan terhadap pekerja jika tiada tindakan diambil.
- Mangsa mengalami tekanan psikologi adalah mangsa akan mudah marah, takut, kebimbangan, kemurungan, rasa bersalah, keyakinan diri yang rendah, terhina, malu, keletihan dan turun atau naik berat badan. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan ia akan memberi musibah dan kesan yang buruk kepada perkembangan dan kesejahteraan hidup pekerja.

Kesan Gangguan Seksual Terhadap Produktiviti Organisasi

- Produktiviti akan jatuh tanpa semangat dan daya usaha yang baik daripada pekerja.
- Ramai pekerja wanita yang mengalami gangguan seksual mungkin membuat pilihan untuk berhenti kerja ataupun terus menanggung penderitaan daripada menentangnya.
- Tindakan seperti ini akan meningkatkan kadar pengaliran keluar-masuk (turnover) pekerja dan mengakibatkan peningkatan kos dalam melatih pekerja baru serta menjejaskan pengeluaran.
- Syarikat juga mungkin akan kehilangan tenaga kerja mahir hasil daripada pemberhentian berlaku. Bahaya yang paling besar sekiranya gangguan seksual tidak ditangani ialah gejala ini akan merebak ke seluruh organisasi seperti penyakit yang berjangkit.
- Peningkatan ketidakhadiran disebabkan meningkatnya pengambilan cuti sakit atau ponteng kerja.
- Prestasi syarikat juga akan terjejas dengan meningkatnya konflik antara kumpulan berikutan berlakunya gangguan seksual di kalangan pekerja. Konflik yang wujud akan mengurangkan kejayaan syarikat dalam mencapai sesuatu kesepakatan bagi mencapai matlamat syarikat.

Kesan Gangguan Seksual Ke Atas Masyarakat

- Menghalang pencapaian peluang sama rata.
- Menghalang produktiviti dan kemajuan.
- Gangguan seksual adalah bercanggah dengan hak asasi manusia dan kepentingan mempertahankan maruah wanita atau pekerja.
- Meluaskan penyebaran keganasan dan kesalahan seksual.
- Meningkatkan penyebaran penyakit kelamin termasuk virus HIV (jika melibatkan hubungan seks).

Peranan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa berusaha memberi kesedaran kepada para majikan supaya mewujudkan Mekanisme Dalaman Kod Amalan Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja di syarikat masing-masing.

Jabatan juga menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai gejala seksual di sektor pekerjaan. Program Minggu Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja merupakan program tahunan sempena sambutan Hari Sambutan Wanita Peringkat Kebangsaan yang diadakan setiap 25 Ogos sehingga 31 Ogos menjalankan aktiviti berikut:-

i. *"Booth"* pameran/kaunter akan disediakan bagi membolehkan para majikan mempelajari/bersoal jawab bersama pegawai JTKSM. Pegawai-pegawai JTKSM akan membantu dan memberi maklumat berhubung ara-cara untuk menubuhkan mekanisme dalaman, melayan setiap pertanyaan berhubung isu gangguan seksual di tempat kerja dan lain-lain.
ii. Pengedaran brosur/risalah dan lencana kepada semua pelanggan dan pengunjung yang hadir.
iii. Tayangan VCD berkisar tentang isu gangguan seksual di tempat kerja akan ditayangkan sepanjang program.
iv. Ceramah atas permintaan majikan.
v. Seminar anjuran Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan anjuran bersama syarikat swasta.
vi. Jika sekiranya pekerja mengalami masalah gangguan seksual, aduan boleh disalurkan melalui :
    - Penghantaran surat ke Pejabat Tenaga Kerja berhampiran.
    - Panggilan telefon kepada Desk Officer di setiap Pejabat Tenaga Kerja berhampiran. Senarai nama pegawai seperti di lampiran A.
    - E-mail jtksm@mohr.gov.my dan di laman web www.jtksm.mohr.gov.my
    - Facebook dan sms

Cadangan telah dibuat untuk dimasukkan Bahagian XVA Akta Kerja 1955 khusus mengenai aduan gangguan



seksual di tempat kerja dan sedang digubal di Parlimen untuk tindakan penguatkuasaan yang lebih efektif.

Jabatan telah menyarankan agar fungsi Kod Amalan ini dapat diperkemas dan menjadi undang-undang yang dikuatkuasakan dan memberi perlindungan kepada pekerja demi kesejahteraan semua pihak dan kedamaian di tempat kerja. Di dalam pindaan Akta Kerja 1955,dicadangkan dimasukkan Bahagian XVA khusus mengenai aduan gangguan seksual di tempat kerja.

Bahagian ini memperuntukkan kewajipan majikan untuk melakukan siasatan aduan gangguan seksual di tempat kerja dan mengemukakan laporan siasatan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Selain itu Ketua Pengarah boleh meminta majikan melakukan siasatan kepada aduan tersebut jika masih belum dibuat. Tafsiran kepada cadangan pindaan juga tidak mewajibkan majikan melantik seorang pegawai khusus untuk mengendalikan kes berkaitan gangguan seksual tetapi mesti memaklumkan Jabatan Tenaga Kerja bahawa siasatan telah dibuat berkaitan aduan oleh pekerja berkenaan gangguan seksual.

PENGENDALIAN PAMPASAN PEKERJA

Jadual 26 Statistik Kes Pampasan Pekerja Asing Yang dikendali dan diselesaikan mengikut jenis kemalangan, 2007 hingga 2010

Kes Hilang Upaya Sementara yang diterima sejak tahun 2007 hingga 2010 telah dapat diselesaikan sepenuhnya pada tahun yang sama. Pencapaian ini didorong oleh faktor dokumen telah dapat dilengkapkan oleh pihak majikan dan pegawai dapat membuat taksiran dengan cepat dan lancar.

Kes Hilang Upaya Kekal (HUK) yang diterima pada tahun 2007 adalah sebanyak 1028 kes dan jumlah kes yang diselesaikan adalah sebanyak 1012 kes. Baki kes yang telah dibawa ke tahun 2008 adalah sebanyak 16 kes. Kes HUK pada tahun 2008 hingga tahun 2010 menunjukkan terdapat baki kes tahun semasa yang telah di bawa ke tahun berikutnya. Jumah kes berkenaan tidak terlalu tinggi dan kes-kes tersebut adalah kes yang diterima pada bulan November dan Disember yang tidak dapat diselesaikan pada bulan berkenaan.

Sementara itu, bagi kes Maut yang diterima sejak tahun 2007 hingga 2010 juga tidak dapat diselesaikan pada tahun yang sama kerana memerlukan masa untuk memperolehi dan menyemak maklumat waris si mati sebelum taksiran dapat dikeluarkan.

Jadua 26: Statistik Kes Pampasan Pekerja Asing Yang dikendali dan Diselesaikan Mengikut Jenis Kemalangan, 2007 hingga 2010 (Digajikan Oleh Kontraktor)

Tahun	Bilangan Kes			Jumlah Kes selesai		
	HUS*	HUK*	Maut	HUS*	HUK*	Maut
2007	5379	1028	504	5379	1012	500
2008	5435	1006	522	5435	996	516
2009	4205	795	460	4025	781	457
2010	3719	707	432	3719	697	429
Jumlah	18738	3536	1918	18558	3486	1902

**HUS: Hilang upaya sementara*
**HUK : Hilang upaya kekal*

SEMINAR PEMBANTU RUMAH ASING

OBJEKTIF SEMINAR

Objektif utama perlaksanaan Seminar dan Sesi Dialog Pembantu Rumah Asing diadakan adalah :

a) Memberi pengetahuan serta meningkatkan kesedaran tentang faedah, kebajikan serta jenis-jenis perlindungan di bawah peraturan dan perundangan perburuhan, peraturan-peraturan imigresen dan undang-undang jenayah di kalangan Pembantu Rumah Asing (PRA) dan Agensi Pekerjaan Swasta (APS).

b Memupuk serta menjalinkan perhubungan yang baik antara majikan, PRA dan APS.

c) Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang peranan yang telah dimainkan oleh Agensi Kerajaan seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM).



Penyerahan buku Garis Panduan Penggajian Pembantu Rumah Asing selepas Seminar dan Sesi Dialog Pembantu Rumah Asing.

Jadual 27 :Statistik majikan, pembantu rumah asing & agensi pekerjaan yang menghadiri seminar pembantu rumah asing seluruh Malaysia , 2010

JTK NEGERI	Mac 2010	April 2010	Mei 2010	Jun 2010	Julai 2010	Ogos 2010	Sept 2010	Okt 2010	Nov 2010	Dis 2010	Jumlah
JOHOR	77	18	68	46	27	26	59	46	20	0	387
KEDAH	79	30	60	0	61	43	0	48	0	81	402
KELANTAN	52	62	114	70	62	48	79	40	25	50	602
MELAKA	61	20	48	30	16	0	20	0	0	0	195
N. SEMBILAN	44	30	35	48	17	22	23	40	18	0	277
PAHANG	20	22	16	16	21	20	0	22	0	0	137
PULAU PINANG	50	42	39	42	38	48	20	43	71	0	393
PERAK	18	23	24	26	47	0	0	76	31	0	245
PERLIS	35	30	16	15	10	0	12	15	0	0	133
SELANGOR	79		36	79	30	0	0	36	50	58	368
TERENGGANU	45	28	18	7	14	0	0	23	0	68	203
W.P KUALA LUMPUR	244	0	0	0	0	0	0	33	18	11	306
W.P LABUAN	44	41	56	80	0	36	0	38	0	0	295
JUMLAH	848	346	530	459	343	243	213	460	233	268	3943



Jadual 28 : Statistik Pembantu Rumah Asing Yang Menghadiri Seminar Pembantu Rumah Asing Seluruh Malaysia, 2010

JTK NEGERI	Mac 2010	April 2010	Mei 2010	Jun 2010	Julai 2010	Ogos 2010	Sept 2010	Okt 2010	Nov 2010	Dis 2010	Jumlah
JOHOR	32	6	28	20	13	0	28	22	10	0	159
KEDAH	36	14	27	0	27	1	0	14	0	38	157
KELANTAN	25	30	56	34	30	23	37	20	11	23	289
MELAKA	27	7	23	15	8	0	10	0	0	0	90
N. SEMBILAN	22	15	16	22	7	10	11	18	8	0	129
PAHANG	8	11	8	8	11	10	0	10	0	0	66
PULAU PINANG	20	18	18	20	16	22	9	20	32	0	175
PERAK	4	11	10	13	21	0	0	38	13	0	110
PERLIS	17	14	8	7	5	0	6	7	0	0	64
SELANGOR	30	0	9	29	10	0	0	18	6	16	118
TERENGGANU	22	13	8	3	6	0	0	11	0	33	96
W.P KUALA LUMPUR	70	0	-	0	0	0	0	15	7	3	95
W.P LABUAN	22	18	27	39	0	18	0	17	0	0	141
JUMLAH	335	157	238	210	154	84	101	210	87	113	1689

Jadual 29 :Statistik majikan yang menghadiri seminar pembantu rumah asing seluruh Malaysia, 2010

JTK NEGERI	Mac 2010	April 2010	Mei 2010	Jun 2010	Julai 2010	Ogos 2010	Sept 2010	Okt 2010	Nov 2010	Dis 2010	Jumlah
JOHOR	32	9	33	21	13	24	28	21	10	0	191
KEDAH	34	14	33		33	42	0	29	0	42	227
KELANTAN	25	30	56	34	30	23	37	20	11	23	289
MELAKA	27	7	23	15	8	12	10		0	0	102
N. SEMBILAN	19	12	16	22	9	10	12	21	10	0	131
PAHANG	8	10	8	8	10	22	0	10	0	0	76
PULAU PINANG	24	18	18	20	16	0	9	20	32	0	157
PERAK	4	10	13	13	22	0	0	38	18	0	118
PERLIS	17	16	8	7	5	0	6	8	0	0	67
SELANGOR	22	0	9	35	8	0	0	18	14	29	135
TERENGGANU	20	13	8	3	8	0	0	11	0	33	96
W.P KUALA LUMPUR	106	0	-	0	0	0	0	10	7	4	127
W.P LABUAN	22	23	29	41	0	18	0	21	0	0	154
JUMLAH	360	162	254	219	162	151	102	227	102	131	1870

JTKSM mengambil tindakan penguatkuasaan melalui aktiviti pendakwaan dan kompaun dengan mensasarkan sebanyak 1,180 kes pada tahun 2010...

STATISTIK KEHADIRAN PESERTA

a) Kehadiran Peserta Keseluruhan :Majikan, Pembantu Rumah Asing (PRA) dan Agensi Pekerjaan Swasta (APS)

Bagi tempoh Mac hingga Disember 2010, jumlah kehadiran peserta ialah 3,943 orang. Daripada jumlah tersebut, negeri Kelantan telah mencatat kehadiran yang tinggi iaitu seramai 602 orang (15%), diikuti negeri Kedah yang telah mencatatkan kehadiran seramai 402 orang (10%) dan negeri ketiga tertinggi ialah daripada negeri Pulau Pinang iaitu seramai 393 orang (9.9%).

b) Kehadiran PRA Mengikut Negeri

Jumlah kehadiran PRA bagi tempoh bulan Mac hingga Disember 2010 ialah 1,689 orang. Daripada jumlah tersebut, negeri Kelantan telah mencatat kehadiran paling tinggi iaitu seramai 289 orang (17%). Ini diikuti pula negeri Pulau Pinang iaitu seramai 175 orang (10%), diikuti pula negeri Johor iaitu seramai 159 orang (9%). Manakala negeri mencatatkan kehadiran PRA paling rendah ialah negeri Perlis iaitu seramai 64 orang (4%).

c) Kehadiran Majikan

Jumlah kehadiran bagi tempoh bulan Mac hingga Disember 2010 ialah seramai 1,870 orang. Daripada jumlah tersebut, negeri Kelantan telah mencatat kehadiran yang tinggi berbanding dengan negeri yang lain iaitu seramai 289 orang (15%). Ini diikuti pula negeri Kedah iaitu seramai 227 orang (12%), diikuti pula negeri Johor iaitu seramai 191 orang (10%). Manakala negeri yang mencatatkan kehadiran yang paling rendah ialah negeri Perlis iaitu seramai 67 orang (3.5%).

BILANGAN SEMINAR DAN PENGEDARAN BUKU PANDUAN

Bagi tempoh seminar diadakan, sebanyak 89 buah seminar telah diadakan di seluruh Malaysia (tidak termasuk negeri Sabah dan Sarawak). Bagi tempoh



Pembantu rumah asing membaca buku panduan yang diberikan kepada mereka.

tersebut, sejumlah 1,653 buah buku telah diedarkan kepada peserta seminar di seluruh negara. Tujuan utama buku tersebut diedarkan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang faedah, kebajikan serta perlindungan di bawah peraturan dan perundangan perburuhan di kalangan PRA, majikan, dan Agensi Pembantu Rumah Asing.

PERMOHONAN PERTUKARAN MAJIKAN

Berdasarkan kepada **Carta 3**, pada tahun 2008 sebanyak 123 permohonan telah dikemukakan kepada JTKSM. Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mencatatkan permohonan tertinggi iaitu sebanyak 34 permohonan. Negeri kedua yang mencatatkan permohonan tertinggi ialah negeri Johor iaitu sebanyak 23 permohonan. Ini diikuti pula daripada negeri Melaka iaitu sebanyak 22 permohonan.

Pada tahun 2009, negeri yang mencatatkan permohonan yang tertinggi ialah daripada negeri Selangor iaitu sebanyak 36 permohonan. Negeri kedua yang mencatatkan permohonan tertinggi ialah negeri Johor iaitu sebanyak 33 permohonan. Ini diikuti pula daripada negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 19 permohonan.

Pada tahun 2010 pula, negeri yang mencatatkan permohonan tertinggi ialah daripada negeri Selangor iaitu sebanyak 12 permohonan. Negeri kedua yang mencatatkan permohonan tertinggi ialah negeri Johor iaitu sebanyak 8 permohonan. Manakala negeri Kedah, Pulau Pinang, Kuala Lumpur masing-masing mencatatkan permohonan sebanyak 3 permohonan.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas berlaku trend pengurangan permohonan daripada majikan iaitu sebanyak 75 % daripada tahun 2008 hingga 2010. Sebagai contoh, negeri Selangor yang mencatatkan permohonan tertinggi telah menunjukkan penurunan yang ketara di mana jumlah permohonan yang diterima telah berkurangan daripada 34 permohonan pada tahun 2008 kepada hanya 12 permohonan pada tahun 2010 dengan pengurangan sebanyak 65%.

MAKMAL PENGURUSAN WARGA ASING

Makmal Pengurusan Warga Asing (MPWA) telah diwujudkan melalui keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pekerja Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) Kali Ke-2 Bil 1/2010 yang telah diadakan pada 22 Februari 2010. MPWA diwujudkan bagi menanggani dan mencari penyelesaian mengenai isu kemasukan warga asing tanpa kawalan yang menyumbangkan pelbagai masalah sosial, ekonomi dan politik dan persaingan terhadap warga tempatan dalam aspek perniagaan dan pekerjaan.

Carta 3.: Statistik permohonan pertukaran majikan yang telah diselesaikan mengikut negeri,2008 hingga 2010





Taklimat mengenai Makmal Pengurusan Warga Asing yang turut dihadiri Menteri Sumber Manusia dan Menteri Dalam Negeri.

MPWA telah dijalankan selama 1 bulan bermula 23 Mac 2010 sehingga 23 April 2010. MPWA telah dianggotai oleh 34 ahli tetap yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta wakil-wakil daripada industri berkaitan. Seramai 4 pegawai daripada JTKSM telah menghadiri makmal ini.

Hasil daripada perbincangan MPWA, sebanyak 50 inisiatif telah dicadangkan dan 48 inisiatif telah dipersetujui. 9 inisiatif adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia/JTKSM dan sedang dalam proses pelaksanaan.

9 inisiatif tersebut ialah:

1. Menubuhkan *National Wages Council*

2. Mendaftar pelajar lepasan sekolah dengan Jobsmalaysia

3. Majikan dikehendaki melaporkan pekerja asing yang lari dan pekerja yang tamat tempoh permit

4. Majikan perlu mengutamakan pengambilan rakyat tempatan untuk bekerja sebelum menggajikan pekerja asing

5. Menguruskan syarikat *outsourcing* menggunakan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 yang akan dipinda dan mengadakan peraturan ke atas pengurusan syarikat *outsourcing*

6. Memperkenalkan *Non Citizens Recruitment Exchange System (NCREX)*

7. Mekanisme Kadar Baru Levi

8. Memperkenalkan pra syarat gaji minima kepada RM720.00 kepada semua pekerja tempatan sebelum permohonan pekerja asing dikemukakan

9. Mengadakan kuota bagi jumlah pekerja asing yang dibenarkan masuk ke dalam negara

BILIK GERAKAN PEMANTAUAN PEMBERHENTIAN DAN PENEMPATAN SEMULA PEKERJA

Bilik Gerakan yang dikendalikan oleh JTKSM mula beroperasi pada 16 Disember 2008 bertujuan untuk memantau dan menangani masalah pemberhentian pekerja . Tindakan pemberhentian pekerja yang dipantau terbahagi kepada dua iaitu Pemberhentian Biasa dan Pemberhentian Secara Sukarela (VSS).

Operasi Bilik Gerakan tetap diteruskan bagi tahun 2010 walaupun terdapat kecenderungan penurunan bilangan pekerja yang terlibat dengan pemberhentian pekerja.

Jadual 30: Statistik Pemberhentian Pekerja Tempatan dan Asing Mengikut Jenis Tindakan, 2010 mengikut negeri,2008 hingga 2010

JENIS TINDAKAN	Bil. Majikan	Tempatan		Jumlah	Asing		Jumlah	Jumlah Besar
		Lelaki	Perempuan		Lelaki	Perempuan		
PEMBERHENTIAN BIASA	319	4,743	4,675	9,418	467	208	675	10,093
PEMBERHENTIAN SUKARELA	68	866	983	1,849	43	127	170	2,019
JUMLAH	387	5,609	5,658	11,267	510	335	845	12,112

Sepanjang tahun 2010, seramai 12,112 orang pekerja terlibat dengan pemberhentian iaitu, 10,093 pekerja terlibat dengan Pemberhentian Biasa manakala 2,019 orang lagi terlibat dengan Pemberhentian Secara Sukarela. **(Jadual 31)**

Kesan krisis kewangan Amerika Syarikat telah memberi kesan ketara kepada penggajian pekerja di negara ini bagi lima (5) bulan pertama bermula Oktober 2008 hingga Februari 2009. Kerajaan berjaya melaksanakan pelbagai program bagi membantu menempatkan semula pekerja yang telah diberhentikan. Jumlah pekerja yang terlibat dengan pemberhentian pada tahun 2010 iaitu seramai 12,112 telah mengalami penurunan sebanyak 67% daripada jumlah pekerja yang diberhentikan pada tahun 2009.



Suasana di Bilik Gerakan Pemantauan Pemberhentian dan Penempatan Semula Pekerja Sentiasa Sibuk.

Jadual 31: Statistik Pemberhentian Pekerja Mengikut Jenis Tindakan, Oktober 2008 hingga 2010

Jenis Tindakan	Oktober 2008	2009	2010
Pemberhentian Biasa	8,721	26,906	10,093
Pemberhentian Sukarela	1,857	9,337	2,019
JUMLAH	10,578	36,243	12,112



Mengoptimumkan Guna Tenaga Negara

MENGOPTIMUMKAN GUNA TENAGA NEGARA

Negara perlu mengoptimumkan guna tenaga tempatan dalam kegiatan ekonomi khususnya *latent workforce* sejajar dengan inisiatif Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)



LATENT WORKFORCE

Penggembelengan tenaga kerja secara optimum adalah amat penting bagi sesebuah negara membangun seperti Malaysia. Bakat dan kemahiran semua pekerja tanpa mengira jantina, status, bangsa dan agama perlu digunakan sepenuhnya. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor swasta dan memastikan peluang pekerjaan sentiasa terbuka kepada semua warga negara.

Melalui proses pembangunan yang telah diusahakan selama ini, Kerajaan telah banyak mewujudkan peluang pekerjaan sama ada yang bekerja secara formal atau tidak formal kepada rakyat dalam negara. Walaubagaimanapun, pada masa ini masih terdapat di kalangan rakyat yang tidak mendapat faedah secara terus tentang peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Menyedari hakikat ini jabatan telah mengambil inisiatif mewujudkan kolaborasi bersama pertubuhan kerajaan, majikan, pertubuhan majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan pertubuhan bukan kerajaan di dalam pengumpulan maklumat untuk membantu golongan *latent workforces* mencari pekerjaan. Inisiatif ini bagi memastikan golongan ini tidak terlepas dalam merebut peluang menjalani kehidupan yang lebih baik di dalam arus pembangunan negara.

Definisi *Latent Workforce*

Latent Workforce (LW) merujuk kepada golongan di luar guna tenaga buruh yang berpotensi untuk digemblengkan bagi membolehkan mereka menyertai pasaran pekerjaan. Golongan ini terdiri daripada :

i. **Orang Kurang Upaya (OKU)**
Individu yang mengalami kecacatan fizikal atau kecacatan akal yang berbangkit sama ada secara semulajadi atau akibat kecelakaan atau penyakit tetapi boleh menjalankan pekerjaan.

ii. **Ibu Tunggal**
Individu yang kematian suami atau ditinggalkan suami yang seterusnya mengambil tugas suami untuk menyara kehidupan anak-anak.

iii. **Pesara**
Individu yang telah mencapai umur persaraan sama ada di sektor awam atau swasta yang tidak lagi berkhidmat dengan majikan.

iv. **Suri Rumah**
Individu bergelar isteri yang menguruskan hal ehwal rumah tangga tanpa menjalankan apa-apa aktiviti pekerjaan.

v. Banduan serta Bekas Banduan
Justeru itu, kementerian menyediakan perkhidmatan pekerjaan untuk masyarakat juga majikan dan peranan ini dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti seperti melaksanakan aktiviti, pendaftaran pencari kerja, pendaftaran kekosongan jawatan, penjodohan pekerjaan dan penempatan pekerjaan.

Katanya, kementerian turut mengumpul dan menganalisis data pasaran perbuhan negara, mengurus dan memantau mobiliti tenaga kerja dalam dan luar negara, membantu pencari kerja membuat carian melalui portal JobsMalaysia, sumber rujukan dalam merancang keperluan guna tenaga negara dan meningkatkan peluang pekerjaan kepada warganegara melalui pengawalan penggajian pekerja bukan warganegara.

Beliau berkata, kementerian turut mengesan situasi perburuhan dan penggajian untuk membantu kerajaan dalam membuat dasar dan undang-undang baru dalam bidang perburuhan dan sosial melalui penganalisaan data, mendaftarkan pencari kerja dan membantu mereka mendapatkan pekerjaan sesuai dan membantu majikan mendapatkan tenaga kerja.

Portal pencarian pekerjaan online

Jobsmalaysia, adalah portal platform penawaran dan pencarian pekerjaan secara atas talian dibangunkan kementerian untuk memberi kemudahan kepada pelanggan terdiri dari pencari kerja dan majikan untuk berkomunikasi menggunakan platform yang sama.

JobsMalaysia memberi kemudahan kepada pengguna yang terdiri dari pencari kerja dan majikan untuk membuat pendaftaran, membuat carian kerja, mengemaskini status permohonan kerja, membuat permohonan kerja, mendapatkan maklumat kekosongan jawatan, mendapatkan kekosongan jawatan, membuat carian calon pekerja, menyenaraipendek calon untuk ditemuduga dan panggilan temuduga terhadap calon serta menyemak resume calon.

Menurut Maznah, kemudahan pencarian dan penawaran kerja secara atas talian ini mula diwujudkan sejak 2002 yang ketika itu lebih dikenali sebagai ELX dan kurang terkenal.

Sistem ini telah melalui proses penaiktaraf sejak mula dan mula dikenali sebagai JobsMalaysia sejak 2008.

JobsMalaysia memberi fasiliti kepada pencari kerja di mana mereka dapat mencari peluang pekerjaan yang berpotensi dan bersesuaian melalui kaedah *one-stop-centre*.

Bagi majikan JobsMalaysia dapat mempertingkatkan urusan pengambilan kakitangan kerana sistem berupaya mengenal pasti calon yang berpotensi untuk mereka. Ia juga memberikan perkhidmatan percuma kepada pengguna dan jawatan yang ditawarkan melalui portal adalah menyeluruh meliputi pelbagai jawatan, kawasan, pelbagai peringkat umur dan ketuanan.



Pegawai kementerian sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna portal JobsMalaysia.



Penggguna boleh menggunakan perkhidmatan JobsMalaysia dengan menggunakan kiosk yang disediakan kementerian di tempat awam.



Ramai pencari kerja mendaftar di JobsMalaysia ketika karnival diadakan Kementerian Sumber Manusia seluruh negara.

Program Penempatan Pekerjaan

Menurutnya, selain menyediakan perkhidmatan pekerjaan berdasarkan portal secara online, kementerian turut menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan atau Karnival Pekerjaan.

Melalui aktiviti ini, kementerian dapat memperkenalkan pencari kerja dan majikan yang memboleh mereka berinteraksi secara terus.

"KSM juga mengadakan ceramah dan seminar kerjaya bagi membantu pencari kerja mempertingkatkan employability mereka dengan memberikan mereka maklumat-maklumat dan kehendak pasaran semasa," katanya.

Beliau berkata, kerjasama juga diberikan kepada majikan yang memerlukan pekerja dengan mengemukakan calon-calon yang bersesuaian serta membantu mereka mengurus-kan temuduga terbuka.

Katanya, bagi memperkukuhkan lagi perkhidmatan pekerjaan, kementerian mengekalkan kerjasama strategik dengan agensi pekerjaan swasta ini sentiasa dipantau ke-mentersian dan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan perundangan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

Beliau berkata, JobsMalaysia adalah salah satu platform bagi mengawal kemasukan pekerja asing.

Katanya, majikan yang ingin memohon mengga pekerja asing perlu terlebih dahulu mendaftarkan kelayakan syarikat mereka melalui portal JobsMalaysia supaya jawatan tersebut diisi pekerja tempatan terlebih dahulu.

"Sokongan hanya diberikan sekiranya tiada rakyat tempatan yang layak mengisi kekosongan yang dikehendaki," katanya.

44,000 peluang kerja berjaya diisi

PERAI – Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berjaya menempatkan lebih 44,000 pekerja dalam pelbagai sektor bagi tempoh Januari hingga 9 Ogos lalu.

Menterinya, Datuk S. Subramaniam berkata, penempatan tersebut berjaya dilakukan melalui pelbagai program dan aktiviti tawaran pekerjaan yang dijalankan di seluruh negara.

"Sehingga 9 Ogos lalu, kita telah berjaya menempatkan 44,058 pekerja dalam pelbagai bidang pekerjaan dan daripada jumlah ini, seramai 15,154 adalah golongan siswazah termasuk mereka yang baru menamatkan pengajian.

"Berdasarkan komitmen JTK da jikan, kita amat yakin untuk berj menempatkan 100,000 pekerja men katanya selepas merasmikan Prog kerjaan (3P) 1Malaysia dan Hari B menterian Sumber Manusia peringk 2010 di sini semalam.

Program sehari itu melibatkan 34 dengan menawarkan 2,000 peluang p peringkat jawatan dengan gaji permul

Dalam pada itu, menurut Subram penganggaran di negara ini telah menu pada 2008 kepada 3.2 peratus tahun i

Keadaan itu, katanya, menunjukkan negara semakin stabil sekali gus ma banyak peluang pekerjaan dalam pelb

16 Februari 2010 NASIONAL
(emel)

RM100j bantu belia timba ilmu

Kementerian Sumber Manusia tingkat program kemahiran jana tenaga mahi

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bharian.com.my

PORT DICKSON: Kerajaan menyediakan peruntukan RM100 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Kementerian Sumber Manusia pada tahun ini untuk disalurkan sebagai pinjaman kepada pelatih yang mengikuti latihan kemahiran di pusat latihan bertauliah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan, berkata peruntukan itu akan digunakan untuk menampung kos melahirkan kira-kira 15,000 tenaga mahir di kalangan rakyat tempatan, terutama golongan muda.

"Kita mahu golongan muda yang tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik memilih bidang kemahiran mereka," katanya selepas menghadiri Majlis Makan Malam Kembara Kelab NewsDesk Berita Harian di Permasuri Resort di sini, kelmarin.

Pada majlis tahunan itu, seramai 230 ahli kelab dan keluarga masing-masing meraikan kesempatan sempena cuti Tahun Baru Cina untuk berkumpul dan beramah mesra bagi merapatkan silaturrahim antara satu sama lain.

Mengulas lanjut, Maznah berkata pinjaman berkenaan adalah bantuan kerajaan kepada belia yang mahu menyambung pengajian dalam bidang kemahiran dan mereka perlu mempunyai rasa tanggungjawab membayarnya kembali selepas menamatkan latihan dan mendapat pekerjaan.

Sehingga Oktober tahun la



MAZNAH, (dua dari kiri) berbual dengan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid (dua dari kanan) dan Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Mahfar Ali (kanan) di Majlis Makan Malam Kembara Kelab News Desk Berita Harian di Resort Permaisuri, Port Dickson, kelmarin.

a sendiri.
ingan lain,
nkanya se-
han kema-
semua pu-
naik taraf
an tenaga

mahir berkualiti.

Selain itu, katanya piha nya bercadang menambah l dang latihan kemahiran bai bagi memenuhi perminta industri yang semakin be kembang maju.

KerJaya ECER bantu 1,500 dapatkan pekerjaan

KUALA LUMPUR 22 Jun – KerJaya ECER yang merupakan program pembangunan modal insan berjaya membantu 1,500 peserta mendapatkan pekerjaan.

Ia diperkenalkan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) tahun lalu.

Program KerJaya ECER telah meningkatkan kemahiran para graduan dan pencari kerja di ECER dan memberikan mereka peluang pekerjaan dengan syarikat-syarikat yang turut serta dalam program tersebut.

Sehingga kini program ini telah berjaya menarik 5,126 peserta dan 353 syarikat di seluruh ECER.

Buat masa ini, terdapat 111 syarikat yang telah mendaftar untuk Program KerJaya ECER. Program ini telah dilancarkan di Pahang pada bulan Disember 2009 manakala Terengganu dan Kelantan pada Januari dan Mac 2010.

Program Kerjaya ECER dibahagikan kepada tiga komponen, iaitu, Program Peluang Penempatan Graduan (GPO), Program Penempatan Pekerja (EPP) serta Program Latihan Kemahiran (STP).

nan modal insan yang dilaksanakan bagi mengurangkan kadar pengangguran disebabkan krisis ekonomi dunia.

Katanya, program ini juga selaras dengan wawasan ECER untuk menjadi wilayah yang maju menjelang 2020, di mana pembangunan modal insan memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan projek ECER, terutamanya menyediakan kumpulan tenaga kerja berkemahiran di wi-

layah ini yang amat penting bagi menarik pelaburan asing dan tempatan.

"Program KerJaya ECER juga selari dengan Model Baru Ekonomi (MBE) yang berlan daskan pengetahuan, inovasi dan kreativiti yang mana ia menyediakan para graduan baru dan pencari kerja dengan kemahiran-kema hiran yang bersesuaian sebelum dipadankan dengan syarikat-syarikat yang memerlukan ke mahiran berkenaan," jelasnya.

ur Dept helps 175 homeless folk find jobs

EPLI
m.my

The Labour ilot project to job seekers has of them finding

eral Datuk Sheikh lohamed said the d mainly in Jalan

Masjid India in Kuala Lumpur, was not all smooth sailing.

"There were at least two cases where the homeless stole money and mobile phones from their colleagues before running away.

"Some of the homeless also feel constrained at their workplace and prefer living on the streets," he told *The Star* here yesterday.

Sheikh Yahya said this had deterred some employers from offering jobs to the homeless.

"The jobs are mostly in restaurants, factories and cleaning services.

"We are confident that the project will be a success as there are still 530 vacancies," he said.

He added that drug addicts would not be eligible.

"We will also have more stringent job interviews to prevent unwanted incidents," he said.

Sheikh Yahya added that the department was considering conducting the project in other states such as Penang.

"We will study the number of homeless people in each state and the needs before implementing it."

He added that among the factors that led to individuals having no place to stay were drug addiction as well as difficulty in securing employment, especially for those from rural areas.

He said the department's six-man team, led by him, conducted the project every Tuesday along Jalan Masjid India between 6pm and 10pm.

"We will continue as it has proven to be beneficial," he said.

16 | Jumaat 15 Oktober 2010 NASIONAL

BH PILIH 16A 15 (emel)

RM7j bantu bebas miskin tegar

AZAM Kerja akan cari sumber tingkat pendapatan ketua, ahli isi rumah

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN
www.pemandu.gov.my

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bharian.com.my



SHAHRIZAT menyerahkan peruntukan kepada Subramaniam (tengah) disaksikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Sumber Manusia, Mohd Shariff Hussin di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR: Seramai 10,448 golongan miskin dan miskin tegar di seluruh di negara akan dibantu untuk keluar daripada garis kemiskinan melalui peruntukan RM7 juta oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang pelaksanaannya dikendalikan Kementerian Sumber Manusia.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata usaha itu dilaksanakan melalui peruntukan Bidang Keberhasilan Utama Negara 2010 (NKRA) di bawah program Akhiri Zaman Miskin (AZAM) Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia.

Katanya, ini disebabkan kementerian berkenaan mempunyai kepakaran dan jentera berpengalaman dalam melaksanakannya.

Beliau berkata, peruntukan itu selaras usaha mengeluarkan ketua isi rumah (KIR) dan ahli isi rumah (AIR) miskin tegar serta miskin yang berdaftar di dalam sistem eKasih melalui penawaran pelunaan pekerjaan pada tawaran gaji minimum RM450 hingga RM1,200 sebulan.

"Tawaran pekerjaan akan dibuat mengikut kesesuaian dan minat KIR serta AIR yang dikenal pasti, selain menyediakan peluang latihan bagi tujuan penyesuaian kerjaya kepada mereka.

"Pelaksanaan projek AZAM Kerja ini akan memberi alternatif pencarian sumber untuk meningkatkan pendapatan mereka, sekali gus mencapai sasaran kerajaan dalam memastikan tiada rakyat ketinggalan dalam pembangunan sosial negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian peruntukan itu kepada Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam di sini, semalam.

Shahrizat berkata, projek itu adalah satu daripada empat projek di bawah program 1AZAM selain AZAM Niaga, AZAM Tani dan AZAM Khidmat bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah rakyat berpendapatan rendah yang diterajui kementerian itu dengan kerjasama KSM.

"Kita mengharapkan golongan yang dibantu ini dapat menggunakan sebaik-baiknya peluang kerjaya yang disediakan dan tidak terlalu memilih kerja, sebaliknya berusaha meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Sementara itu, Subramaniam menyarankan supaya golongan itu melakukan perubahan dari segi minda dan sikap bagi memajukan diri sendiri, seterusnya keluar daripada garis kemiskinan.

Beliau berkata, perubahan minda itu perlu kerana daripada 242 golongan miskin yang ditawarkan pekerjaan oleh KSM, hanya 31 yang masih kekal dalam pekerjaan mereka manakala 211 lagi hanya semput bekerja separuh jalan kerana tiada perubahan minda dan sikap.

"Mereka perlu ada sikap membantu diri sendiri kerana tiada gunanya kerajaan membelanjakan jutaan ringgit, jika mereka tidak mahu berubah," katanya.

KOSMO! SABTU 20 NOVEMBER 2010 NEGARA

Skim pampasan ganti pendapatan

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan mewujudkan Skim Pampasan Pemberhentian Pekerja mulai Januari ini bagi menjaga kebajikan mereka yang kehilangan sumber pendapatan secara tiba-tiba selepas majikan gulung tikar.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam berkata, skim itu akan memberikan bantuan kewangan bulanan sementara untuk golongan yang kehilangan pekerjaan meneruskan hidup.

"Skim ini hanya akan membantu mereka untuk jangka masa setahun atau dua sebelum sistem bantuan yang lebih baik diwujudkan bagi keperluan jangka panjang," katanya selepas merasmikan program My Career Fair 2010 (MYCF'10) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Datuk Sh. Yahya Sh. Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif My Events, Shahul Hameed Dawood.

Mengulas lanjut, Subramaniam memberitahu, kadar bantuan kewangan di bawah skim berkenaan belum ditetapkan lagi.

Sementara itu, Shahul Hameed menjelaskan, MYCF'10 berlangsung selama tiga hari bermula semalam dengan membabitkan penyertaan 150 syarikat dalam pelbagai sektor yang menawarkan 10,000 peluang kerja.

MYCF'10 anjuran bersama My Events Sdn. Bhd. (My Events) dan JTK itu dijangka menarik seramai 80,000 pengunjung.



PENCARI kerja (dari kiri) Faridah Sulaiman, Muggileswary Chiyapalan, Noor Cahaya Unus dan Normizie Roslan menunjukkan surat tawaran kerja yang disampaikan oleh Subramaniam pada My Career Fair 2010 di PWTC, Kuala Lumpur semalam.

14 Jumaat, 8 Oktober 2010

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN
Ke arah 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan
PEMANDU
www.pemandu.com.my

HARIAN METRO 8/10/10

1Azam jana ekonomi si miskin

Tawar peluang pekerjaan, latihan dan modal tingkat ekonomi keluarga

>>Oleh Asmah Rusman
asmah@hmetro.com.my

MENINGKATKAN taraf hidup rakyat berpendapatan rendah atau Bidang Keberhasilan Utama Negara bagi isi rumah berpendapatan rendah (NKRA LIH) adalah antara rancangan utama dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) supaya golongan itu mampu menikmati kehidupan lebih baik melalui peningkatan pendapatan dan ekonomi.

Melalui GTP, kerajaan menyasar menghapuskan kemiskinan tegar pada penghujung tahun ini selain mengurangkan kadar kemiskinan daripada 3.6 peratus kepada 2.8 peratus membabitkan seramai 44,643 golongan miskin tegar.

Setakat ini, jumlah isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin tegar di seluruh negara yang berdaftar melalui sistem e-Kasih 29,882 orang pada Jun lalu dan ia menunjukkan penurunan pada Ogos menjadi 24,062 orang.

Antara penekanan yang diberikan NKRA LIH ialah kerajaan akan memastikan setiap bantuan yang disediakan sampai lebih awal kepada rakyat di samping menguatkan kebergantungan terhadap rumah kebajikan atau rumah perlindungan serta menyediakan peluang pekerjaan lebih baik.

Ia juga program mengurangkan jurang pendapatan, meluaskan peluang menjana ekonomi dan memastikan rakyat dapat menikmati keistimewaan melalui peningkatan ekonomi.

Bagi memastikan kejayaan program membasmi kemiskinan terbaik, kerajaan melancarkan pelbagai program termasuk 1Azam dan eKasih yang menawarkan peluang pekerjaan, menyediakan latihan dan modal bagi golongan ini meningkatkan ekonomi keluarga serta mewujudkan pekerjaan melalui Jimat 1Malaysia.

Beberapa agensi pelaksana bertanggungjawab menjalankan program membasmi kemiskinan termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku agensi peneraju, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta 32 lagi agensi di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Melalui agensi terbabit, Program 1Azam meliputi empat bidang iaitu tani, kerja, khidmat dan niaga dilaksanakan yang mendapat sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Sumber Manusia (MOHR) dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

Melalui proses pemadanan program 1Azam, peserta program akan diteliti dan dinilai dari segi pengalaman, minat, kemahiran dan kesesuaian sebelum minat dan kemahiran itu dipadankan dengan projek sesuai dengan mereka.

Program 1Azam merangkumi projek Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah

Objektif 1Azam ialah menyediakan peluang menjana pendapatan kepada rakyat berpendapatan rendah dengan jangkaan pendapatan antara RM750 dan RM2,000 sebulan.

Kementerian bantu 50,000 pencari kerja

KUALA LUMPUR 30 Jun – Kementerian Sumber Manusia akan membantu kira-kira 50,000 pencari kerja melalui portal JobsMalaysia bagi mendapatkan pekerjaan dalam pelbagai industri sebelum akhir tahun ini.

Timbalan menterinya, Datuk Maznah Mazlan berkata, sehingga Isnin lalu, kementeriannya berjaya membantu 33,790 rakyat Malaysia mendapatkan pekerjaan melalui pelbagai saluran termasuk portal tersebut.

"Saya berharap portal ini akan menjadi pusat pencarian kerja pilihan utama kepada generasi baru serta berharap pihak majikan memberi kepercayaan terhadap portal ini bagi mengambil pekerja baru," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Maznah berkata, tanpa sokongan majikan, portal itu tidak akan mencapai sasaran yang ditetapkan.

Katanya, portal JobsMalaysia yang merupakan platform penawaran dan pencarian pekerjaan menerusi talian *online* akan memberi kemudahan kepada pelanggan terdiri daripada pencari kerja dan majikan untuk berkomunikasi menggunakan platform yang sama.

"Selain itu, ia turut membantu membuat pendaftaran, membuat carian kerja, mengetahui status permohonan kerja, membuat permohonan kerja, mendapatkan maklumat kekosongan jawatan dan mengiklankan kekosongan jawatan.

"Dalam pada itu, majikan boleh membuat carian calon pekerja, menyenarai pendek calon temu duga dan panggilan temu duga terhadap calon serta menyemak *resume* calon," kata Maznah.

JobsMalaysia memberi faedah kepada pencari kerja mencari peluang pekerjaan yang berpotensi dan bersesuaian melalui kaedah pusat sehenti.

Menurut Maznah, bagi pihak majikan portal itu dapat mempertingkatkan urusan pengambilan kakitangan kerana sistem tersebut berupaya mengenal pasti calon yang berpotensi untuk mereka.

"Ia turut memberi perkhidmatan secara percuma kepada pengguna dan jawatan yang didaftarkan melalui portal itu adalah menyeluruh meliputi pelbagai jawatan, kawasan, pelbagai peringkat umur dan keluasan.

"Selain menyediakan perkhidmatan pekerjaan berdasarkan portal secara *online*, kementerian turut menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan atau Karnival Pekerjaan," katanya.

Jelas beliau, melaluinya kementerian dapat mempertemukan pencari kerja dan majikan yang memboleh-kan mereka berinteraksi secara terus.

28 Sabtu, 9 Oktober 2010 Setempat Harian Metro



240 agensi tawar kerja

FAKTA MCTF'10 Hingga esok

Karnival Kerjaya Terbesar di Mid Valley

>>Oleh Siti Nadirah Hafidzin
nadirah@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Graduan yang masih menganggur kini berpeluang merebut ribuan tawaran pekerjaan daripada 240 syarikat swasta dan agensi kerajaan pada Karnival Kerjaya Terbesar Malaysia 2010 (MCTF'10) bermula semalam hingga 10 Oktober ini.

Ketua Pegawai Operasi Jobstreet.com, Suresh Thiru berkata, karnival berlangsung di Pusat Pameran Mid Valley membuka peluang kepada graduan menganggur mencari pekerjaan bersesuaian dengan kelayakan dan minat mereka.

Menurutnya, Jobstreet.com bersama AIC Exhibitions Sdn Bhd berganding bahu dalam proses pelaksanaan karnival selama hampir kerjaan dan kerjaya di Malaysia, sekali gus membantu mereka mencapai jumlah tenaga kerja mahir di negara ini.

Beliau berkata, tanggungjawab pihaknya sebagai agensi pencarian pekerjaan swasta kini dilihat semakin diperlukan apabila berlakunya peningkatan sebanyak 49 peratus jumlah graduan yang menggunakan perkhidmatan Jobstreet.com untuk mendapatkan pekerjaan.

"Kami menghargai melalui

"Karnival kerjaya ini dapat membuka peluang graduan yang masih mencari pekerjaan mendaftarkan dengan organisasi sesuai sekali gus dapat mengurangkan jumlah penganggur di negara kita"

>Suresh Thiru
Ketua Pegawai Eksekutif Jobstreet.com

(MCTF'10), di sini, semalam.

Majlis dilancarkan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mastuah Maslan dan dihadiri Pengerusi AIC Media & Events Group, William Ng.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mastuah Maslan, berkata jumlah tenaga kerja kini mencecah 11.8 juta dan 28 peratus daripadanya tenaga berkemahiran tinggi.

Over 10,000 job opportunities available

The Star 15/10/2010 m/s 5 12

(Focus)

By NOEL CHANG

KUALA LUMPUR: The Ministry of Human Resources recently received a RM7mil allocation from the Women, Family and Community Development Ministry under the *Azam Kerja* initiative of the Low-income Households (LIH) National Key Results Area (NKRA).

Azam Kerja is aimed at raising the living standards of low-income households by introducing job opportunities to those identified under the *e-Kasih* programme as being poor and extreme poor.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil said the initiative is targeting to raise the household income of 10,448 members in the poor and extreme poor categories.

She said her ministry and the Human Resources Ministry would be providing job opportunities for those that are ready to pull themselves out of poverty instead of merely providing them with financial assistance.

The job opportunities would also serve as an additional source of income for those classified as extreme poor.

The Human Resources Ministry was chosen as a partner for the initiative due to its experience in running programmes similar to *Azam Kerja*.

The initiative comprises the following areas:

> The "Place and Train" programme;

> House visits and *Azam Kerja* awareness programmes for 8,000 households to provide income-generation opportunities;

> Special placement programme for the homeless; and

> Special employment placement programme at Extreme Poor Housing Projects and Public Housing Projects nationwide.



Working their way out of poverty: Women, Family and Community Development Ministry secretary-general Datuk Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Minister Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Human Resource Minister Datuk Dr S. Subramaniam and Deputy secretary-general (Management) Mohd Shariff Hussin at the handing over of a mock cheque for RM7mil to Dr Subramaniam for the implementation of the *Azam Kerja* project at the Bukit Perdana Government Office Complex recently.

Karnival Kerjaya Zon Utara dapat sambutan pelajar

PELUANG. Lebih 3,000 pelajar menyerbu Karnival Kerjaya Zon Utara 2010 bagi mencari peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pelbagai syarikat di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Arau baru-baru ini.

Karnival tersebut adalah anjuran PTSS dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas) di Jitra, Kedah serta mendapat kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Perlis.

Ia mendapat penyertaan lebih 40 syarikat swasta yang menawarkan pelbagai pekerjaan termasuk bagi jawatan yang memerlukan kelayakan bertaraf diploma dan ijazah.

Syarikat yang terlibat turut menyediakan ruang temuduga kerja bagi membolehkan pemohon ditemuduga semasa karnival berkenaan.



BEBERAPA pelajar mendengar penerangan daripada kakitangan Universiti Malaysia Perlis pada Karnival Kerjaya Zon Utara 2010 di Arau, Perlis baru-baru ini.

1AZAM peluang golongan miskin baiki taraf hidup

Program bimbingan sedia peluang jana pendapatan, kemahiran

Oleh Haryani Ngah
aryani@bharian.com

"BERIKAN jala dan bukannya ikan", itu antara ungkapan sering didengari apabila ingin membantu seseorang yang berada dalam kesusahan keluar daripada kehidupannya sekarang.

Ungkapan terbabit amat bersesuaian dengan pelaksanaan Projek 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) yang dijayakan secara bimbingan berterusan (hand-holding programme) bertujuan memastikan golongan miskin tegar dan miskin dapat memanfaatkan sebaik mungkin peluang menjana pendapatan dan kemahiran sehingga akhirnya berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan.

Usaha membasmi kemiskinan tegar menjelang 31 Disember 2010 adalah sasaran yang perlu dicapai di bawah matlamat NKRA-LIH iaitu "Tiada rakyat Malaysia yang ketinggalan dalam program pembangunan sosial negara".

Projek 1AZAM membabitkan empat komponen iaitu AZAM Tani, AZAM Kerja, AZAM Khidmat dan AZAM Niaga dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Sumber Manusia (MOHR) dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

Melalui Projek 1AZAM, peserta program ini akan diteliti dan dinilai dari segi pengalaman, minat, kemahiran dan kesesuaian sebelum minat dan kemahiran dipadankan dengan projek sesuai dengan mereka.

Proses pemadanan dibuat bertujuan memastikan matlamat program 1AZAM bagi membasmi kemiskinan dapat dicapai.

Peserta yang menyertai 1AZAM dijangka mampu memperoleh pendapatan antara RM750 hingga RM2,000 sebulan.

Antara program yang terdapat dalam Program AZAM ialah:

● **AZAM Kerja:**
Bidang kerja yang menumpukan kepada beberapa jenis pekerjaan tidak memerlukan pendidikan dan kemahiran tinggi seperti pembantu rumah, pekerja stesen minyak, pengawal keselamatan, pelayan restoran, pembantu kedai/pasar raya, tukang cuci, kerja-kerja pembinaan yang dilindungi seperti kerja paip, memasang jubin dan tukang kayu.

● **AZAM Khidmat:**
Menswarkan peluang kepada golongan berpendapatan rendah menjadi pekerja atau usahawan secara sambilan atau sepenuh masa. Antara perkhidmatan itu ialah kantin bergerak, perkhidmatan cucian kereta bergerak, memotong rumput, perkhidmatan kepada ibu selepas bersalin, pusat penjagaan harian kanak-kanak dan orang tua serta kerja pemasangan peralatan/barang di rumah.

● **AZAM Niaga:**
Projek ini memberi peserta yang layak peluang untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Ia bertujuan menggalak pembabitan keusahawanan golongan berpendapatan rendah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan sebelum ke arah perniagaan lebih besar seperti pasar malam, penjual ais krim, penjual air tebu, menjual burger, peniaga gerai, perkhidmatan masak dan sebagainya di rumah.

● **AZAM Tani:**
Program ini membabitkan projek pertanian yang memberi pulangan pada jangka masa pendek kepada semua peserta.

Antaranya, tanaman cili merah, sawi, kangkung, jagung dan kailan. Ia turut membabitkan projek akuakultur seperti ternakan ikan, penetasan dan penjagaan benih ikan keli/kelah/siakap/kerapu selain ternakan jangka pendek seperti projek penggemukan lembu.

Untuk menyertai Program 1AZAM, peserta perlu berdaftar dalam sistem eKasih di mana maklumat peserta layak menerima bantuan boleh diakses bagi tujuan perancangan, permohonan bantuan dan penentuan saluran penyampaian bantuan yang bersesuaian.



PROGRAM 1AZAM memberi golongan miskin tegar peluang menjana pendapatan dan kemahiran supaya dapat memperbaiki kehidupan dan keluar daripada kepompong kemiskinan.



PESERTA projek 1AZAM bermesra dengan Datuk Seri Shahrizat (tengah) pada pertemuan di Kota Bharu, baru-baru ini.



BIOCAREER 2010 tawar kerjaya

KUALA LUMPUR 11 Nov. – BioCareer 2010 akan memberi tumpuan kepada peluang yang ada dalam sektor bioteknologi dan sains hayat bagi graduan daripada semua disiplin.

Inisiatif bersama Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) dan JobStreet.com itu dijangka menarik lebih 5,000 pengunjung.

Pesta dan pameran kerjaya itu akan diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre mulai pukul 10 pagi hingga 6 petang pada 13 dan 14 November dan kemasukan adalah percuma, kata kenyataannya di sini hari ini.

Antara aktiviti yang disediakan termasuk pameran kerjaya, ceramah kerjaya dan klinik resume.

BioCareer 2010 akan dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Iskandar Mizal Mahmood. - BERNAMA

JTK anjur temu duga terbuka hari ini

Kosmo 9/11/2010 18 (Hebara)

MELAKA – Lebih 2,000 peluang pekerjaan ditawarkan pada program temu duga terbuka Jabatan Tenaga Kerja (JTK) yang akan diadakan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Tabuh Naning, Alor Gajah hari ini.

Kementerian Sumber Manusia dalam satu kenyataan semalam berkata, kira-kira 30 syarikat dari Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang menyertai program sehari itu yang akan berlangsung mulai pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Antara syarikat yang menawarkan jawatan kosong pada temu duga terbuka itu ialah A'Famosa Resort Hotel Sdn. Bhd., A&W (M) Sdn. Bhd., Clover Chemical (M) Sdn. Bhd., C-Pak Cergas Sdn. Bhd., Honda (M) Sdn. Bhd. dan KFC Holdings (M) Sdn. Bhd.

"Mereka yang berminat memohon pekerjaan yang ditawarkan boleh menghadiri temu duga terbuka ini dengan membawa salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang berkaitan," kata kenyataan itu lagi.

Sebarang pertanyaan dan maklumat mengenai temu duga terbuka berkenaan boleh menghubungi ADTEC Melaka di 06-5527227, Noraini (06-5527225), Kamal (06-5527148) atau Azmi di 06-5527229.



SEMPURNA ...Subramaniam (dua dari kiri) ketika melancarkan MYCF '10... semalam.

Bantu pekerja dibuang

Skim Pampasan Pemberhentian Pekerja dilaksana Januari depan

>>Oleh Maizatulina Mohamed Amin
maizatul@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Nasib pekerja tempatan yang diberhentikan secara tiba-tiba akibat ketidakupayaan majikan beroperasi dengan baik akan lebih terbela apabila Kementerian Sumber Manusia melaksana Skim Pampasan Pemberhentian Pekerja dijangka Januari depan.

Menterinya, Datuk Dr S Subramaniam berkata, kerajaan mewujudkan skim itu bertujuan memberi bantuan kebajikan dengan segera kepada pekerja yang terbabit bagi tempoh tertentu, bergantung kepada syarat kelayakan masing-masing yang akan diputuskan kelak.

"Kami masih berbincang dengan skim ini untuk membantu pekerja yang menghadapi kehilangan pekerjaan berdasarkan beberapa keadaan khususnya akibat majikan gulung tikar atau perkara lain yang kita fikirkan perlu untuk membantu sehingga mereka peroleh kerja lain.

"Ia bukanlah langkah jangka masa panjang, tapi kementerian bercadang melaksana ia untuk tempoh satu ke dua tahun sebelum kita perkenalkan pula satu sistem yang lebih bersifat kekal. Semuanya akan diumumkan apabila siap," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis media selepas merasmikan pameran kerjaya, My Career Fair 2010 (MYCF '10) yang berlangsung tiga hari bermula semalam di Dewan Tun Razak 3, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Hadir sama, Ketua Pengarah Tenaga Kerja, Datuk Sheikh Yahya Sheikh Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan My Events Sdn Bhd, Shahul Hameed Dawood.

Subramaniam turut mengingatkan majikan yang menawarkan pekerjaan separuh masa supaya mematuhi Peraturan Kerja Separa Masa antaranya berkait penyediaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi mengelak dikenakan denda sehingga RM10,000.

"Peraturan ini bagi melindungi pekerja dan majikan, justeru, kedua-duanya perlu mematuhi apa yang termaktub khususnya majikan bersabit pemberian KWSP, gaji mengikut aturan ditetapkan serta lain-lainnya," katanya.

40 syarikat sertai Karnival Jom Cari Kerja

PUTRAJAYA: Lebih 40 syarikat yang menjadi 'pemain utama' dalam industri perniagaan di negara ini bakal menyertai Karnival Jom Cari Kerja, Azam Kerja 1Malaysia di Kompleks Kejiranan Presint 9 pada Sabtu dan Ahad ini.

Bukan itu saja, karnival anjuran bersama Majlis Belia Kawasan Putrajaya, JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Perbadanan Putrajaya itu membuka ruang dan peluang bagi mencari pekerjaan, memulakan kerjaya selain menyertai bidang keusahawanan.

Pengerusi Majlis Belia Kawasan Putrajaya, Tun Faisal Ismail Aziz, berkata karnival itu terbuka kepada semua pengunjung dan turut membuka ruang kepada individu yang berminat membabitkan diri dalam bidang keusahawanan.

Menurutnya, walaupun golongan sasaran belia, penuntut institusi pengajian tinggi, suri rumah dan ibu tunggal di Putrajaya, tetapi pengunjung luar juga boleh mengambil bahagian.

"Program yang bakal dirasmikan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Razali Ibrahim itu memberi fokus penyelesaian masalah belia melalui usaha mengadakan peluang kerjaya, penempatan kerja dan penyertaan dalam bidang keusahawanan.

"Program ini akan menggunakan konsep pusat sehenti," katanya.

10,000 peluang pekerjaan sempena MYCF'10

KUALA LUMPUR – Sebanyak 10,000 peluang pekerjaan ditawarkan sempena Pesta Kerjaya 2010 atau My Career Fair 2010 (MYCF'10) yang bakal berlangsung selama tiga hari bermula 19 November ini.

MYCF'10 anjuran bersama My Events Sdn. Bhd. (My Events) dan Jabatan Tenaga Kerja itu dijangka menarik seramai 80,000 pengunjung di Dewan Tun Razak 3, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Pengarah Kanan Kumpulan My Events, Chris Daniel Wong berkata, sehingga kini sebanyak 112 syarikat pelbagai bidang termasuk daripada sektor awam mengesahkan penyertaan mereka.

"Kira-kira 3,000 jawatan kosong daripada 10,000 jawatan yang ditawarkan kepada graduan akan diambil bekerja dalam tempoh tiga bulan selepas pesta kerjaya ini tamat.

"Pesta ini juga bertujuan menyediakan perancangan dan peluang kerjaya di kalangan lepasan universiti dan golongan pekerja profesional yang sudah mempunyai pengalaman kerja," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Antara syarikat yang menyertai MYCF'10 termasuk dalam bidang perbankan, teknologi maklumat, telekomunikasi, pengangkutan, insurans dan industri makanan.

Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai program tersebut, orang ramai boleh melayari *www.mycareerfair.com.my* atau hubungi 03-2035 5777.



Santai @ JTKSM

Santai @ JTKSM
Peristiwa Sepanjang Tahun



















Majlis Persaraan YBhg. Dato' Ismail Bin Abdul Rahim





Majlis Perlancaran JMC









Pelancaran Buku Pembantu Rumah Asing







Makmal Pengurusan Warga Asing









Program Azam Kerja











Program Gelandangan







Persidangan Tahunan Pegawai Kanan











Rompin Fest

Santai @ JTKSM
Kelab Kasih









Pertandingan Futsal Antara Jabatan Di Bawah KSM













Pertandingan Golf Sempena Persaraan YBhg Dato' Ismail Bin Abdul Rahim



Program Pendakian JobsMalaysia Gunung Kinabalu











Majlis Khatam Quran dan Majlis Berbuka Puasa




Sambutan Hari Lahir Warga JTKSM















Kejohanan Sukan Antara Zon JTKSM

Santai @ JTKSM
Puspanita









Pertandingan Bowling Antara Jabatan di bawah KSM









Aktiviti Jawatankuasa Ekonomi Puspanita JTKSM



















Majlis Perpisahan YBhg Datin Hamidah Binti Othman Selaku Pengerusi Puspanita JTKSM





















Lawatan Bersama Anak-Anak Yatim Rumah Nur Hikmah Ke Petrosains KLCC














Lawatan Ke Syarikat Mostwell Sdn. Bhd.



Sidang Editor





Penasihat:
1.Encik Ahmad Mudi Onn Bin Nor

Ketua Editor:
2.Encik Md Hatta Bin Md Jauhar

Editor Kanan:
3.Cik Yasmin Binti Ramli

Editor:
4.Encik Yusof Bin Harun

5.Encik Muhammad Irsyad Bin Redzuran



SIDANG EDITOR

6.Encik Sharin Imran Bin Bakri

7.Encik Mohd Hajazy Bin Jusoh

8.Puan Nur Shuhada Binti Muhamad

9.Puan Idawati Binti Ibus

10. Puan Ess Khamisah Binti Mohamad Urey

11.Encik Arman Syahlan Bin Mohd Anuar

12.Cik Nurul Faizah Binti Abd Ghani



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
Aras 5, Blok D3. Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya
Tel: 03 - 88865000
Faks: 03 - 88892368
Telekerja: 03 - 88889111
E-mel: jtksm@mohr.gov.my
Laman web: http//:jtksm.mohr.gov.my